

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2020**

**HARI RABU : 15 JULAI 2020**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 55 )**

**[SOALAN NO 3 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO 17]  
[SOALAN NO 5 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO 24,30]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020**

**SOALAN**

**YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kerugian pendapatan yang ditanggung industri pelancongan akibat daripada impak wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebelum saya meneruskan untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jerantut ini, izinkan saya, Tuan Yang diPertua, untuk turut menjawab dan memberi maklum balas kepada soalan ini bersekali dengan sepuluh (10) pertanyaan lisan yang lain kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu kesan penularan wabak COVID-19 kepada industri pelancongan negara. Soalan-soalan berkenaan ialah:

- (a) pertanyaan **nombor 17** oleh **Yang Berhormat Tanjong Manis** pada hari ini 15 Julai 2020;
- (b) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Wangsa Maju** bertarikh 21 Julai 2020;
- (c) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Beaufort** dan **Yang Berhormat Bukit Bintang** bertarikh 3 Ogos 2020;

- (d) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Lembah Pantai** bertarikh 12 Ogos 2020;
- (e) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Jempol, Yang Berhormat Pasir Gudang** serta **Yang Berhormat Taiping** bertarikh 18 Ogos 2020;
- (f) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Batang Lupar** bertarikh 26 Ogos 2020; dan yang terakhir
- (g) pertanyaan oleh **Yang Berhormat Batu Gajah** bertarikh 27 Ogos 2020.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Penularan wabak COVID-19 bukan sahaja memberi impak kepada Malaysia, malah hampir semua negara di seluruh dunia turut terpaksa menerima kesan negatifnya. Dalam situasi yang tidak pernah berlaku ini, Malaysia telah mengambil keputusan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 dan diikuti beberapa fasa lain yang masih berkuatkuasa sehingga hari ini.

3. Antara langkah utama semasa PKP ini adalah penutupan sempadan antara negeri dan juga sempadan negara. Langkah drastik ini sememangnya perlu dilakukan bagi mengawal penularan wabak COVID-19, namun industri pelancongan negara adalah pihak yang paling terjejas dalam situasi ini. Selaras dengan perkembangan ini, **Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)** telah **mengumumkan pembatalan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan serta-merta.**

4. Pembatalan ini adalah wajar memandangkan penutupan sempadan negara tidak membenarkan warga asing memasuki Malaysia. Dengan ketidak hadiran pelancong dari luar negara ini, MOTAC menjangkakan ketibaan dan perbelanjaan pelancong antarabangsa ke Malaysia bagi tahun 2020 akan menurun sebanyak 75% berbanding tahun 2019.

5. Industri pelancongan negara terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman, dan penganjuran acara-acara perniagaan (*Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions - MICE*) telah terjejas teruk. Sehingga Jun 2020, Kementerian menganggarkan sektor-sektor ini mengalami kerugian sebanyak RM45 bilion akibat penularan wabak COVID-19 ini.
6. Daripada jumlah tersebut, MOTAC mengunjurkan kerugian bagi segmen pelancong antarabangsa adalah melebihi RM31 bilion. Manakala bagi segmen pelancong domestik, Kementerian menganggarkan kerugian melebihi RM13 bilion.
7. Berdasarkan statistik MOTAC, bagi tempoh Januari hingga Mac 2020, perbelanjaan pelancong antarabangsa merekodkan penurunan sebanyak 41.5% daripada RM21.4 bilion pada 2019 kepada RM12.5 bilion.
8. Jumlah kerugian ini termasuklah kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan ekoran aktiviti perniagaan yang tidak boleh dijalankan, pemotongan gaji serta pembatalan tempahan produk pelancongan seperti hotel dan pakej pelancongan.
9. Pada masa ini, Kerajaan akan menumpukan kepada usaha-usaha pemulihan industri pelancongan menerusi pelaksanaan Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan yang telah dirangka oleh MOTAC. Sementara itu, keputusan untuk melaksanakan Tahun Melawat Malaysia pada masa akan datang adalah bergantung kepada keadaan global semasa dan mengambil kira tempoh masa yang wajar bagi persediaan pelaksanaan sebarang kempen dalam skala yang besar.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN JAWAB BERSEKALI : 5, 24 dan 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM  
[ ARAU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah terdapat sebarang perancangan untuk melakukan pindaan terhadap akta sedia ada mengenai isu pemandu mabuk yang disabitkan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah. Bagi kes yang menyebabkan kematian pula, apakah hukuman mati akan diperkenalkan.

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI [ LUMUT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melakukan pindaan hukuman terhadap kanun jenayah atas kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian.

---

**NO. SOALAN JAWAB BERSEKALI : 5, 24 dan 30**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 30**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah pemandu dan kemalangan di mana pemandu di bawah pengaruh alkohol.

## **NO. SOALAN JAWAB BERSEKALI : 5, 24 dan 30**

### **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan 2 soalan yang lain pada hari ini iaitu soalan No. 24 oleh Yang Berhormat Lumut dan soalan No. 30 oleh Yang Berhormat Puchong kerana ianya menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai masalah pemanduan di bawah pengaruh alkohol.

Untuk makluman Yang Berhormat, isu berkaitan dengan kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah satu perkara yang amat dipandang serius oleh Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Seperti umum mengetahui, kebelakangan ini, kemalangan maut melibatkan pemandu mabuk semakin kerap berlaku dan dilaporkan di dalam media massa. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan serius, ia akan membawa kesan yang amat negatif kepada orang ramai dan pengguna jalan raya lain yang tidak bersalah.

Dalam hubungan ini, Jemaah Menteri pada 24 Jun 2020 telah pun bersetuju secara dasarnya untuk meminda Seksyen 41 hingga 45 secara khusus untuk kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah dan memandu secara melulu. Pindaan ini bertujuan untuk menjadi satu bentuk *deterrence* dan pengajaran kepada orang ramai supaya mematuhi semua peraturan jalan raya. Ketiga-tiga komponen hukuman akan dipinda termasuklah kadar denda, tempoh penjara dan tempoh penggantungan lesen memandu kenderaan.

Berdasarkan kepada keputusan Jemaah Menteri tersebut, Kementerian Pengangkutan akan meminda Seksyen 41 hingga 45 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan Jabatan Peguam Negara telah menyemak draf RUU Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 dan draf RUU ini akan dibentangkan untuk persetujuan Jemaah Menteri pada 17 Julai 2020, dan seterusnya untuk dibentangkan di Parlimen di dewan yang mulia ini pada sesi kali ini.

## NO. SOALAN JAWAB BERSEKALI : 5, 24 dan 30

Selain daripada pindaan hukuman, Kerajaan juga akan meminda had kandungan alkohol yang dibenarkan supaya selaras dengan piawaian yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu daripada 35 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas; 80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah atau 107 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing kepada 22 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas; 50 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah atau 67 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing .

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat juga, Kementerian Pengangkutan telah melaksanakan soal selidik atas talian mengenai perkara ini iaitu mulai 21 Mei 2020 sehingga 4 Jun 2020 yang lepas. Berdasarkan kepada dapatan kajian, sebanyak 345,021 responden telah menyertai soal selidik berkenaan.

Hampir 97% responden memberikan maklum balas yang positif dan bersetuju bahawa kuantum hukuman sedia ada tidak memadai. Sebagai contoh, seramai 324,489 iaitu 94% responden bersetuju agar kadar hukuman penjara, denda dan tempoh hilang kelayakan lesen memandu ditingkatkan ke atas pemandu yang disabitkan kesalahan memandu ketika berada di bawah pengaruh alkohol, bagi memberi kesedaran kepada umum dan keinsafan kepada pesalah.

Berkenaan dengan cadangan mengenakan hukuman mati bagi kesalahan menyebabkan kematian akibat memandu di bawah pengaruh alkohol, Kementerian Pengangkutan berpendapat kes melibatkan pemandu mabuk perlulah mengikut lunas undang-undang sedia ada. Jika Kanun Keseksaan (Akta 574) digunakan untuk menjatuhkan hukuman mati, ia perlu dibuktikan di mahkamah bahawa pemandu mabuk tersebut mempunyai niat untuk membunuh melampaui keraguan munasabah (*beyond reasonable doubt*). Memang kita geram, tetapi kita tidak boleh ambil tindakan secara melulu supaya pemandu mabuk ini tidak terlepas daripada tindakan undang-undang yang sewajarnya. Maka, Kementerian Pengangkutan telah mengambil keputusan untuk meminda seksyen-seksyen, termasuk had kandungan alkohol supaya seseorang yang memandu melebihi had-had tetentu akan dikenakan hukuman yang jauh lebih berat.

## **NO. SOALAN JAWAB BERSEKALI : 5, 24 dan 30**

Maka, Kementerian Pengangkutan berharap agar pindaan yang dicadangkan kali ini dapat mendidik dan mengubah sikap semua pengguna di atas jalan raya. Perkara ini sekali gus bertujuan membendung berlakunya kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah dan juga memandu secara melulu dalam menjaga keselamatan pengguna jalan raya di Malaysia secara keseluruhannya.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pengangkutan berpendapat bahawa selain daripada langkah-langkah undang-undang, program kesedaran dan pendidikan turut perlu digandakan. Sebagai contoh, Kementerian Pengangkutan giat menggalakkan program pencegahan memandu di bawah pengaruh alkohol seperti melaksanakan konsep *Designated Driver* serta penggunaan kenderaan perkhidmatan awam seperti teksi dan e-hailing. Dengan adanya usaha-usaha holistik ini, Kementerian Pengangkutan berharap isu ini dapat ditangani untuk menjaga keselamatan semua pengguna jalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[ SIMPANG RENGGAM ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini usaha pemberkualihan sekolah daif di seluruh negara, terutamanya di Sabah dan Sarawak dan apakah unjuran kejayaan pelaksanaan untuk tahun 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke -11 (RMKe-11), iaitu bagi tahun 2016 sehingga tahun 2020, sejumlah RM3.055 billion telah diluluskan untuk projek naik taraf dan pembangunan semula bagi 773 buah sekolah daif di seluruh negara. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina semula bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain.

Daripada keseluruhan peruntukan tersebut, sejumlah RM415.0 juta adalah untuk menaik taraf dan pembangunan semula 245 buah sekolah di Semenanjung Malaysia. Sejumlah RM1.388 bilion lagi untuk naik taraf dan pembangunan semula 291 buah sekolah di Sarawak manakala baki RM1.252 bilion adalah untuk naik taraf dan pembangunan semula 237 buah sekolah di Sabah.

Berdasarkan status pelaksanaan projek di seluruh negara sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 542 projek telah siap. Daripada jumlah tersebut,

510 projek telah menerima *Certificate of Completion and Compliance* (CCC)/*Certificate of Partial Occupancy* (CPO) dan 32 projek lagi dalam proses mendapatkan CPO. Selain itu, 53 projek masih dalam fasa pembinaan, 32 projek dalam proses perolehan dan 146 projek lagi dalam fasa pra bina yang meliputi proses reka bentuk, penyediaan dokumen tender dan kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Bagi seluruh Semenanjung, sejumlah 225 projek telah siap, satu (1) projek masih dalam pembinaan dan 19 projek di peringkat pra bina.

Bagi negeri Sarawak, sejumlah 167 projek telah siap, dengan 158 projek telah menerima CCC/CPO dan 9 projek dalam proses mendapatkan CPO. Di samping itu, 49 projek lagi masih dalam pembinaan, 13 projek dalam proses perolehan dan 62 projek dalam fasa pra bina.

Bagi negeri Sabah pula, sejumlah 150 projek telah siap, di mana 127 telah dikeluarkan CCC/CPO dan 23 projek dalam proses mendapatkan CPO. Baki 3 projek lagi masih dalam pembinaan, 19 projek dalam proses perolehan dan 65 projek dalam fasa pra bina.

Projek menaik taraf dan membangunkan semula sekolah daif yang telah diluluskan bagi tahun 2020 adalah sebanyak 136 projek. Berdasarkan jangkaan awal Jabatan Kerja Raya (JKR), sebanyak 52 projek yang berstatus dalam pembinaan disasarkan dapat disiapkan. Walau bagaimanapun, unjuran ini terpaksa dikurangkan berikutan kesan pandemik COVID-19 yang menyebabkan kerja-kerja di tapak terpaksa ditangguhkan. Oleh yang demikian, hanya 32 projek dijangka dapat disiapkan dalam tahun 2020.

KPM akan terus bekerjasama rapat dengan JKR Malaysia, JKR Sarawak, JKR Sabah, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sabah termasuk PBT bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [ GERIK ]

**TARIKH :** 15 JULAI 2020 (RABU)

**SOALAN**

**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu petani dan pekebun kecil bagi merancakkan kembali hasil tanaman serta pendapatan mereka yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

**JAWAPAN:** **YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Tidak dapat dinafikan bahawa industri agromakanan telah menghadapi cabaran besar ketika peringkat awal penularan wabak COVID-19 di mana kelancaran rantaian makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasilan pertanian dan industri makanan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan dengan kerjasama semua pihak yang bertanggungjawab telah memastikan keadaan sentiasa terkawal dan rakyat berada dalam keadaan yang mencukupi.
  
2. Aktiviti pertanian telah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting negara (*essential services*) dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa PKP dari peringkat awal bagi memastikan keperluan

asas makanan orang ramai dan kepentingan kumpulan sasar ini terus terjamin.

**Tuan Yang Dipertua,**

3. Bagi mengurangkan isu lambakan hasil pertanian dan meminimumkan kerugian yang dialami, Kementerian melalui jabatan dan agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan Program Pasar Segar Terkawal (PST). Pelaksanaan PST semasa PKP ini adalah signifikan bagi memastikan bekalan makanan negara stabil dan berterusan.
4. Bagi memastikan aktiviti petani, pekebun, penternak, nelayan dan usahawan tani tidak terjejas oleh COVID-19, MAFI melalui PRE, PRIHATIN dan PENJANA akan melaksanakan 36 inisiatif bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.
5. Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui insentif / subsidi, peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan pembekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.
6. Di bawah PENJANA, MAFI telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan tiga (3) inisiatif khusus seperti berikut:
  - i. Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5% untuk tempoh 5 tahun;
  - ii. Program Kebuniti atau Berkebun secara berkomuniti di bandar dan luar bandar, berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50,000 untuk komuniti; dan
  - iii. Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan.

7. Keseluruhan program / projek yang disenaraikan di bawah pakej-pakej PRE (termasuk projek infrastruktur dengan peruntukan RM50 juta), PRIHATIN dan PENJANA bernilai RM640 juta sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan / agensi di bawah MAFI.
8. Kementerian berharap agar inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas ini dapat membantu meringankan bebanan kumpulan sasar yang terkesan akibat COVID-19 malahan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan melonjakkan sektor agromakanan negara serta memastikan sekuriti makanan terus terjamin sepanjang tempoh pemulihan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YEING  
[LANANG]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Alice Lau Kiong Yeing [ Lanang ] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-**

- (a) jumlah terkini penerima Skim mySalam khususnya di negeri Sarawak jika dibandingkan dengan jumlah penerima pada tahun 2019; dan
- (b) jumlah tuntutan yang telah dibuat pada tahun 2019 dan 2020 (jika ada) dan bilangan tuntutan berkaitan COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

(a) Jumlah keseluruhan penerima Skim mySalam yang telah diluluskan bagi negeri Sarawak pada tahun 2019 adalah seramai 581 orang dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak RM859,450.00. Manakala bagi tahun 2020, sehingga 30 Jun 2020, jumlah penerima skim mySalam adalah seramai 943 orang dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak RM1,296,150.

(b) Jumlah keseluruhan tuntutan mySalam yang telah diluluskan bagi tahun 2019 adalah sebanyak 8,034 tuntutan dengan jumlah keseluruhan yang telah disalurkan sebanyak RM11,545,400. Manakala bagi tahun 2020 pula, sehingga 5 Julai 2020 sebanyak 16,893 tuntutan telah diluluskan dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak RM20,819,250.

Untuk makluman Ahli Berhormat juga, melalui inisiatif di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRIHATIN), manfaat hospitalisasi Skim mySalam telah diperluaskan kepada kumpulan B40 yang telah dijangkiti COVID19 dan mereka yang dikuarantin sebagai pesakit di bawah siasatan (PUI). Sehingga 5 Julai 2020, jumlah keseluruhan tuntutan yang diluluskan berkaitan COVID19 adalah sebanyak 2,124 tuntutan dengan jumlah yang telah disalurkan sebanyak RM1,263,100.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG [ HULU RAJANG ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sekiranya Kementerian bercadang untuk membekalkan menara telekomunikasi di Rh. Melintang, Sg Gaat, Rh Mengga Sepulau Gaat/ Sk. Nanga Balang Sg. Gaat, Punan Biau/ Punan Sama Belaga, Nanga Merirai Baleh Kapit dan Sk Nanga Kain Baleh Kapit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
2. Oleh yang demikian, kawasan-kawasan yang tiada atau kurang liputan termasuk Rh. Melintang, Sg Gaat, Rh Mengga Sepulau Gaat/ Sk. Nanga Balang Sg. Gaat, Punan Biau/ Punan Sama Belaga, Nanga Merirai Baleh Kapit dan Sk Nanga Kain Baleh Kapit akan dimasukkan untuk perancangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam masa terdekat (2021 – 2022).
3. Pihak Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan-kawasan berpenduduk melalui percubaan pelbagai teknologi yang baharu untuk mendapatkan satu penyelesaian yang paling efektif supaya perkhidmatan dapat disediakan bagi jangka masa yang panjang.
4. Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja melibatkan kerajaan persekutuan malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk pemudahcaraan proses-proses perolehan dan kelulusan tapak yang terlibat.
5. Selanjutnya, SKMM akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri iaitu Sarawak Multimedia Authority (SMA) bagi menambahbaik liputan dan kualiti jalur lebar di Sarawak. Semasa sesi kunjung hormat saya kepada YAB Ketua Menteri Sarawak pada 10 Julai yang lalu, beberapa persetujuan penting telah dicapai antara lain adalah mengeratkan kerjasama bersama pihak SMA dari segi perancangan dan memudahcara proses kelulusan pembinaan untuk mempercepatkan pembinaan infrastruktur digital. Penambahbaikan liputan jalur lebar

## **SOALAN NO : 11**

melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara juga akan turut dihadiri oleh pegawai kanan SMA untuk menangani keperluan di Negeri Sarawak.

6. Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk menyediakan perkhidmatan di kawasan-kawasan berpenduduk melalui percubaan pelbagai teknologi yang baharu dan menaiktaraf teknologi 3G kepada 4G di stesen pemancar sedia ada untuk mendapatkan satu penyelesaian yang paling efektif supaya perkhidmatan dapat disediakan secara lebih cepat kepada penduduk setempat.
7. Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara (Makmal) yang bermula dari 13 Julai sehingga 14 Ogos 2020 yang diterajui oleh SKMM untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara bagi memastikan semua kawasan yang berpenduduk mendapat liputan yang secukupnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**  
**[KUANTAN]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) sama ada pemohon yang mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM) namun tidak menjalankan sebarang perniagaan masih menerima Bantuan Prihatin Nasional; dan
- (b) sekiranya tidak, apakah langkah Kementerian dalam membantu golongan mereka ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemohon Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang terdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan tidak menjalankan perniagaan masih layak untuk mendapat bantuan BPN dengan syarat pemohon hendaklah mengemukakan rayuan semasa tempoh rayuan BPN pada 11 hingga 31 Mei 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, mereka yang telah diluluskan selepas rayuan ini adalah seramai 160 ribu dan bayaran telah dibuat mulai 24 Jun 2020.

Kerajaan kekal komited dalam memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40 dan M40 yang terjejas akibat COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah kos dan skop kerja untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan Lapangan Terbang Bintulu; dan
- (b) bila kerja-kerja penyelenggaraan dan penambahbaikan Lapangan Terbang Bintulu akan dilaksanakan dan disiapkan.

**JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

Pihak Kementerian Pengangkutan memandang berat terhadap isu-isu berhubung keselamatan dan penyelenggaraan lapangan terbang di seluruh negara termasuk Lapangan Terbang Bintulu.

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan melalui Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan Lapangan Terbang Bintulu meliputi skop kerja penggantian "*return air and supply air ducting*" di kawasan *Transfer Corridor*, bilik VIP dan kawasan Pejabat Imigresen. Jumlah kos penyelenggaraan bagi penggantian "*supply and installation ducting*" tersebut adalah RM1,517,512.00.

Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan tahunan yang telah dilaksanakan adalah meliputi fasiliti-fasiliti seperti lif dan eskalator, sistem penghawa dingin, sistem perlindungan api, kamera litar tertutup, sistem pengendalian bagasi dan lain-lain fasiliti-fasiliti infrastruktur telah menelan kos sebanyak RM712,318 bagi tahun 2020.

Kerja-kerja penambahbaikan kawasan balai perlepasan di Lapangan Terbang Bintulu juga sedang dijalankan yang meliputi skop kerja rekabentuk, pengubahsuaian dan kerja-kerja lain yang berkaitan dengan kos sebanyak RM605,526.00. Kerja-kerja penambahbaikan ini telah bermula pada 21 Februari 2020 dan dijangka siap pada 19 Julai 2020.

- (b) Kerja-kerja penyelenggaraan Fasa 1 telah bermula pada 3 Februari 2020 dan dijangka siap pada 30 Julai 2020. Kerja pembaikan ini ditangguh atas sebab pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerja-kerja pembaikan ini akan memakan masa yang agak lama disebabkan pihak MAHB perlu mengambil langkah berhati-hati dalam melaksanakan kerja-kerja pembaikan dengan memastikan pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure (SOP)* kerana kawasan yang melibatkan kerja-kerja tersebut adalah kawasan aktif pergerakan penumpang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan "*Home-based Learning*" dan kesan PKP terhadap P&P para murid dan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOE-DL, yang kemudiannya dikenali sebagai Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMA). Pelantar ini boleh diakses oleh guru dan murid. Selain itu, mereka juga boleh menggunakan pelantar EduwebTV, CikgoTube dan Kelas Digital untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pada 28 Mac hingga 2 April 2020, KPM telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian (*Online Learning*) melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan 6.0 peratus murid

memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Di samping itu, terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun, dalam masa yang sama, masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti bersesuaian. Di samping itu, terdapat juga kekangan dalam aspek tahap akses internet yang terhad. Ini merupakan antara cabaran besar kerana pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid. Selain itu, PdP secara dalam talian merupakan sesuatu yang baharu untuk kebanyakan guru, murid dan ibu bapa. Mereka masih memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan kaedah baharu ini.

Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran TV Okey dan saluran Tutor TV Astro 601 dan 603. Rancangan radio pendidikan juga telah dilaksanakan menerusi siaran Kedah FM, Terengganu FM dan Johor FM.

Terdapat juga guru yang melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan kaunter pandu lalu di sekolah.

Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid tidak ketinggalan dalam mengikuti pembelajaran. KPM ingin merakamkan penghargaan kepada semua guru atas segala usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan walaupun dalam keadaan yang mencabar. Selain itu, KPM juga turut

menghargai peranan ibu bapa dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan dengan baik.

Walaupun kaedah *Home-based Learning* telah dilaksanakan di sepanjang tempoh PKP, namun masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu diatasi. Kepelbagaian latar belakang demografi dan sosio-ekonomi murid merupakan antara faktor yang memberi impak kepada keberkesaan pelaksanaan *Home-based Learning*. Memandangkan kaedah *Home-based Learning* ini merupakan sesuatu yang baharu, maka guru, murid dan ibu bapa memerlukan lebih masa untuk menyesuaikan diri.

KPM akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi keberkesaan kaedah *Home-based Learning* ini dari semasa ke semasa. Buat masa ini, KPM sedang merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital, termasuk pelaksanaan *Home-based Learning*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[BALING]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ Baling ]** Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah dan pendekatan baharu untuk memastikan belia dan mahasiswa di negara ini memperoleh pendidikan politik yang lebih baik berselaras dengan pindaan undi 18 tahun yang diluluskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi memberi pendedahan berkaitan pendidikan politik kepada mahasiswa melalui tiga pendekatan. Pendekatan pertama ialah melalui pengajaran dan pembelajaran melalui subjek umum yang diwajibkan di IPT seperti Falsafah dan Isu Semasa serta Penghayatan Etika dan Peradaban yang diperkenalkan bermula sesi akademik 2019/2020.

Pendekatan kedua adalah melalui penganjuran program-program bersifat *political literacy* dan forum-forum yang membincangkan isu-isu semasa negara manakala pendekatan ketiga ialah penganjuran pilihanraya kampus yang membolehkan mahasiswa terlibat secara langsung melalui Jawatankuasa Pilihanraya Kampus bertanding sebagai calon pewakilan pelajar atau sekurang-kurangnya sebagai pengundi. Melalui endekatan yang dilaksanakan ini, kerajaan berharap dapat melahirkan mahasiswa yang boleh berfikir secara matang, peka dengan perkembangan politik semasa serta memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengundi muda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan tahap capaian internet jalur lebar mengikut negeri, serta cabaran-cabaran yang dihadapi untuk membolehkan lebih ramai penduduk menikmati internet jalur lebar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik terkini liputan rangkaian (3G dan LTE) di kawasan berpenduduk bagi setiap negeri sehingga suku pertama 2020 adalah seperti berikut:

	<b>3G (%)</b>	<b>LTE (%)</b>
<b>Malaysia</b>	<b>95.32</b>	<b>88.96</b>
Johor	98.93	94.18
Kedah	97.63	89.10
Kelantan	95.98	87.52
Melaka	99.80	95.50
Negeri Sembilan	97.92	89.96
Pahang	92.57	80.38
Perak	96.30	90.32

## SOALAN NO : 16

Perlis	99.46	93.29
Pulau Pinang	99.78	98.90
Sabah	84.07	71.70
Sarawak	84.62	71.10
Selangor	99.69	98.51
Terengganu	95.52	87.68
WP Kuala Lumpur	100.00	99.97
WP Labuan	98.00	97.40
WP Putrajaya	100.00	100.00

2. Kerajaan sentiasa berusaha menambahbaik kualiti perkhidmatan komunikasi di seluruh negara. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini memerlukan kerjasama semua pihak bagi memastikan ianya berjalan lancar dan mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan. Di dalam hal ini, pembinaan infrastruktur digital memerlukan kerjasama yang sangat baik daripada pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, agensi-agensi Persekutuan dan negeri, terutamanya dari segi perancangan, kelulusan, hak laluan (*Right-of-Way*, atau RoW).
3. Selain itu, memandangkan pembinaan infrastruktur digital ini akan melibatkan pelaburan yang tinggi, Kementerian amat menghargai pertimbangan semua pihak yang terlibat untuk memudahcara pembinaan secara keseluruhan. Ini akan membolehkan infrastruktur digital ini dapat dibina dengan lebih cepat dan kos yang efektif. Dengan ini, lebih ramai rakyat dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar yang berkualiti dan mampu milik, selain membolehkan semua pihak, termasuk Kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan mendapat manfaat secara bersama.
4. Dalam usaha untuk menyelesaikan cabaran-cabaran pelaksanaan ini, SKMM telah membuat perjumpaan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mendapatkan komitmen mereka bagi memudahcara pelaksanaan inisiatif-inisiatif infrastruktur, termasuk mengatasi kekangan-kekangan seperti :

(a) Proses dan masa yang diperlukan bagi kelulusan permit infrastruktur digital;

**SOALAN NO : 16**

- (b) Kadar fi dan caj yang dikenakan; dan
- (c) Hak eksklusif pembinaan infrastruktur digital.

5. Hasil daripada sesi libat urus tersebut, Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Infrastruktur telah dibentuk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta di hampir semua negeri bagi memudahcara pelaksanaan, menyelaras perancangan dan mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu di atas.

6. Untuk makluman, masih terdapat banyak kawasan yang belum mendapat liputan komunikasi menyeluruh dan stabil terutamanya di kawasan luar bandar. Selain bentuk muka bumi yang berbukit-bukau dan laluan masuk yang sukar, masalah ketiadaan bekalan elektrik juga menjadi cabaran kepada syarikat telekomunikasi untuk menyediakan perkhidmatan mereka di kawasan seperti ini. Antara kaedah alternatif yang diguna pakai bagi mengatasinya ialah penggunaan rangkaian satelit dan bekalan janakuasa diesel yang selalunya boleh menyebabkan perkhidmatan yang tidak stabil.

7. Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara (Makmal) yang bermula dari 13 Julai sehingga 14 Ogos 2020 yang diterajui oleh SKMM untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara bagi memastikan semua kawasan yang berpenduduk mendapat liputan yang secukupnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L  
Arulanandram [ Kuala Langat ]**

**TARIKH : 15 Julai 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan kesan daripada operasi pengeluaran pasir dasar laut di kawasan Pelantar Benua Malaysia susulan kelulusan lesen pasir dasar laut terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian. Apakah terdapat aktiviti mengorek pasir secara haram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- i) Dimaklumkan, bagi aktiviti pengorekan pasir di Pelantar Benua iaitu kawasan lautan selepas tiga (3) batu nautika daripada tikas air surut adalah tertakluk kepada kelulusan lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli selaras dengan Seksyen 4, Akta Pelantar Benua 1966. Pada masa ini, hanya terdapat satu syarikat berlesen yang beroperasi bagi aktiviti pengorekan pasir di Pelantar Benua.

- ii) Bagi sebarang permohonan lesen pengorekan pasir dasar laut di kawasan Pelantar Benua, sebelum sesuatu lesen dikeluarkan, permohon perlu mendapat kelulusan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment*, EIA) selaras dengan Perkara 8(c) dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling 1974).
- iii) Kawalan terhadap pengeluaran lesen melalui kelulusan EIA ini adalah bagi memastikan impak kepada alam sekitar dapat ditangani dengan lebih berkesan memandangkan langkah-langkah mitigasi untuk melindungi ekologi hidupan laut, memastikan keselamatan pelayaran dan lain-lain telah diambil kira dalam Laporan Kajian EIA tersebut.
- iv) Pada masa yang sama, Kerajaan melaksanakan pemantauan ke atas aktiviti perlombongan pasir dasar laut melalui jawatankuasa yang diurus setiakan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG). Jawatankuasa ini turut memastikan pematuhan terhadap mekanisma permohonan pasir bagi mengelakkan kesan negatif ke atas ekosistem hidupan laut dan alam sekitar.
- v) Bagi menangani aktiviti pengorekan pasir secara haram, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan berkala turut dilaksanakan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) di mana sepanjang tahun 2019, terdapat 36 operasi pemeriksaan ke atas kapal-kapal pasir yang dilaksanakan dengan 13 tangkapan telah dibuat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[JELEBU]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [ JELEBU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Paket Rangsangan Ekonomi yang diumumkan Kerajaan dalam mendepani pandemik COVID-19 memberi kesan kepada kewangan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi dan pemulihan bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Namun, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion.
2. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK.
3. Semua langkah yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi adalah bersifat *one-off* agar tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana. Hal ini adalah penting bagi memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Selain itu, Kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana bagi mewujudkan ruang fiskal supaya kedudukan kewangan Kerajaan kembali mampan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengenai agihan bantuan menerusi Tabung Prihatin YKN-JKM yang dilancarkan Februari lalu selepas bermulanya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehinggalah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP)**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tabung Prihatin YKN-JKM telah dilancarkan pada 17 Februari 2020 dan merupakan tabung khas dalam menyelaras sumbangan kewangan yang diterima daripada pihak korporat, swasta, masyarakat dan orang perseorangan untuk disalurkan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan segera dalam keadaan terdesak berdasarkan maklumat yang diperakukan sah oleh kedua-dua agensi iaitu Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kategori bantuan yang dipertimbangkan bagi penyaluran melalui Tabung Prihatin YKN-JKM adalah bantuan serta merta yang bersifat sekaligus (*one-off*), bantuan segera melalui aktiviti pendampingan sosial, mangsa bencana kecil/ kes terpencil dan juga kes terdampar.

Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan pada 18 Mac 2020 akibat penularan wabak COVID-19, Tabung Prihatin YKN-JKM telah diperluaskan fungsinya sebagai platform kepada syarikat korporat dan orang ramai untuk menderma kepada rakyat Malaysia yang terputus bekalan makanan dan terjejas sumber pendapatan sepanjang tempoh PKP sehingga Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).

Inisiatif yang berterusan melalui penubuhan tabung ini telah menarik minat syarikat korporat dan orang ramai untuk menderma dan membantu kumpulan sasar yang terjejas semasa tempoh COVID-19. Sepanjang tempoh PKP hingga ke PKPP, Tabung Prihatin YKN-JKM telah mengumpul sebanyak RM540 ribu melalui sumbangan pihak korporat, swasta dan orang perseorangan dan telah diagihkan kepada 8,262 orang yang terputus bekalan makanan dan terjejas punca pendapatan. Agihan bantuan ini telah disalurkan kepada penerima dalam bentuk Bakul Makanan dan disampaikan mengikut prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan dapat menampung perbelanjaan pengurusan, jumlah defisit fiskal yang akan meningkat, imbalan perdagangan serta perkhidmatan dan adakah Kerajaan akan mengalami defisit akaun semasa buat kali pertama. Berikutnya semua ini, adakah status penarafan kredit antarabangsa akan terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Ekonomi global dijangka mencatat kemelesetan sebanyak 4.9% dan Malaysia diunjur mencatat pertumbuhan dalam lingkungan -2.0% hingga 0.5% pada tahun 2020. Dalam tempoh suku pertama, ekonomi negara merekodkan pertumbuhan kecil 0.7% akibat daripada kesan awal pelaksanaan kawalan pergerakan oleh Malaysia serta negara lain. Penularan wabak penyakit koronavirus (COVID-19) telah menyebabkan hampir kesemua kerajaan di seluruh dunia mengambil tindakan pengehadan pergerakan atau ‘lockdown’ bagi melindungi nyawa serta kesihatan rakyat, namun langkah ini turut menjelaskan ekonomi negara terlibat dan melumpuhkan ekonomi global serta mengakibatkan rantai dagangan terjejas teruk. Kegiatan ekonomi dijangka meningkat secara beransur-ansur pada tempoh separuh kedua tahun 2020 berikutnya

penamatan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan langkah-langkah rangsangan ekonomi yang telah diumumkan. Pada tahun 2021, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan berkembang sejajar dengan unjuran pertumbuhan global yang lebih memberangsangkan.

2. Imbangan dagangan bagi tempoh Januari sehingga Mei 2020 mencatat lebih sebanyak RM43.7 bilion, iaitu menguncup sebanyak 23% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019. Ini selari dengan kesan penularan pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan gangguan rantai bekalan dan kejatuhan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, imbangan dagangan masih mencatat lebih dan dijangka terus stabil bagi tahun 2020. Akaun semasa bagi suku pertama tahun 2020 pula merekod lebih sebanyak RM9.5 bilion, iaitu 2.6% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK). Akaun semasa masih dijangka merekod lebih pada kadar yang rendah bagi tahun 2020 berikutan penularan pandemik COVID-19.
3. Krisis ekonomi akibat pandemik COVID-19 menyebabkan kebanyakan kerajaan di seluruh dunia termasuk Malaysia terpaksa menyediakan suntikan fiskal tambahan terutamanya dalam perbelanjaan kesihatan dan bantuan kepada rakyat dan perniagaan yang terjejas. Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi dan pemulihan bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Namun begitu, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion.
4. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK. Kerajaan juga akan memastikan akaun semasa sentiasa mempunyai lebih bagi memastikan operasi kerajaan tidak terjejas. Di

samping itu, Kerajaan masih berpegang kepada peraturan bahawa sumber pinjaman tidak boleh digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus.

5. Krisis global COVID-19 ini juga telah menyebabkan banyak negara melaksanakan pakej rangsangan yang meningkatkan paras defisit dan hutang. Lanjutan daripada prospek pertumbuhan ekonomi yang lembap dan kedudukan fiskal yang lebih lemah, banyak negara telah dikenakan langkah penarafan bersifat negatif iaitu sama ada penurunan penarafan atau semakan semula terhadap *outlook* kepada negatif.
6. Secara keseluruhannya, bermula dari awal Mac tahun ini, kira-kira 40 negara telah diturunkan penarafannya dan lebih daripada 100 negara telah disemak semula *outlook* penarafan mereka ke negatif. Malaysia, turut tidak terkecuali daripada keadaan ini. Penarafan Malaysia telah dikekalkan pada tahap A- oleh agensi penarafan antarabangsa Fitch Ratings dan S&P Global Ratings, namun dengan semakan semula *outlook* penarafan kepada negatif daripada stabil. Semakan semula ini berdasarkan kepada kesan COVID-19 dan ketidaktentuan ekonomi dunia ke atas ekonomi negara dan tidak berkaitan dengan asas ekonomi negara yang masih kukuh. Sementara itu, Moody's Investors Service mengekalkan penarafan pada A3 dengan *outlook* stabil. Walau bagaimanapun, Kerajaan yakin dengan asas ekonomi Malaysia yang kukuh, Kerajaan dapat memperbaiki semula kedudukan penarafan setelah ekonomi negara kembali pulih dan stabil dalam jangka sederhana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah kesan positif yang dilihat daripada perancangan pihak Kerajaan dalam penstrukturkan semula ‘National Feedlot Corporation’ (NFC) bagi memastikan bekalan daging lembu yang mencukupi agar negara tidak lagi bergantung kepada bekalan daging import.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Program National Feedlot Centre (NFC), telah dibangunkan di dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9) mulai tahun 2006 dengan objektif untuk mewujudkan rangkaian pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan jaringan pemasaran yang bersepada di seluruh negara.
2. Program ini telah dirancang dengan melibatkan dua komponen utama projek iaitu;
  - i. Projek *National Feedlot Centre* di Gemas, Negeri Sembilan, sebagai ladang utama yang memiliki kapasiti 20,000 ekor lembu sepusingan; dan
  - ii. Projek Ladang Satelit Nasional dengan penglibatan sebanyak 310 buah ladang yang beroperasi sebagai komponen ladang kontrak di bawah projek *National Feedlot Centre*, dengan kapasiti 200 ekor lembu sepusingan, di mana 130 unit ladang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) di atas tanah Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan 180 unit ladang adalah dari ladang fidlot sedia ada.
3. Bagi memastikan projek *National Feedlot Centre* berjalan lancar, sebuah syarikat peneraju iaitu *National Feedlot Corporation (NFCorp)* telah dilantik sebagai syarikat integrator yang bertanggungjawab menyelaras program yang telah dirancang dan melaksanakan keseluruhan operasi pengeluaran disepanjang rantai nilai.
4. NFCorp adalah merupakan sebuah entiti perniagaan sepenuhnya milik swasta dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tidak mempunyai kuasa untuk melakukan sebarang penstrukturkan ke atas syarikat tersebut.

5. Namun pada masa ini, projek *National Feedlot Centre* masih kekal sebagai salah satu strategi dalam peningkatan pengeluaran pedaging dan ruminan melalui komponen projek Ladang Satelit Nasional di bawah pemantauan MAFI yang membabitkan 75 unit kandang dengan penglibatan 65 penternak/syarikat.
6. Bagi tujuan meneruskan agenda peningkatan pengeluaran daging negara, MAFI melalui DVS telah menyediakan pelan strategik pembangunan industri seperti berikut;
  - i. Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara; dan;
  - ii. Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara.
7. Berdasarkan pelan strategik yang digariskan, DVS pada masa ini sedang dan akan terus melaksanakan program bagi meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan iaitu;
  - i. Program Peningkatan Industri Tenusu Negara;
  - ii. Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER); dan;
  - iii. Skim Rezeki Ternak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah pengeksportan durian *frozen whole fruit* ke negara China sejak bulan Mei 2019 hingga bulan Jun 2020. Nyatakan mengikut bulan, tan dan nilai harga.

**JAWAPAN:YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

Yang Dipertua,

1. Usaha Malaysia untuk menembusi pasaran buah durian di Republik Rakyat China telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Hasil rundingan di antara Kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula pada Mei 2011, dan seterusnya dalam bentuk biji bermula pada Jun 2019 yang lalu.
2. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), bagi tempoh dari Mei 2019 sehingga Jun 2020, sebanyak 59 permit eksport (34 permit eksport pada tahun 2019 dan 25 permit eksport pada tahun 2020) telah dikeluarkan bagi pengeksportan durian *frozen whole fruit* ke negara China.
3. Bermula Mei sehingga Disember 2019, Malaysia telah mengeksport durian sejuk beku ke Republik Rakyat China dengan nilai RM12.88 juta. Manakala bermula Januari sehingga Jun 2020, durian sejuk beku Malaysia telah dieksport ke Republik Rakyat China dengan nilai dagangan RM17.66 juta. Jumlah nilai eksport keseluruhan bagi durian *frozen whole fruit* bermula Mei 2019 sehingga Jun 2020 adalah RM30.54 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS  
TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [ TUARAN ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan capaian internet dengan kelajuan tinggi di Sabah akan tersebar luas terutama dengan penggunaan fibre optic dan bilakah Sabah akan mendapat lebih banyak spektrum supaya lebih banyak saluran radio boleh diwujudkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha dalam melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara sekaligus mengurangkan perbezaan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar termasuk di Sabah.
2. Manakala bagi Negeri Sabah, pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif penyediaan perkhidmatan selular awam yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada. Sehingga kini, sebanyak 472 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 71 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di Sabah dan dijangka siap pada suku pertama 2021. Selain itu, sebanyak 1,163 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada telah dinaik taraf manakala 5 stesen pemancar masih dalam peringkat pelaksanaan di Sabah dan dijangka siap pada suku ke-empat 2020.
3. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan adalah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara. Lebih daripada 48 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 41 ibu sawat di Sabah, manakala 924 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2020.
4. Menerusi inisiatif penyediaan perkhidmatan selular awam juga, sekurang-kurangnya 115 menara baharu akan dibina di Sabah yang merangkumi pembinaan menara komunikasi dengan perkhidmatan jalur lebar yang masih dalam peringkat perancangan di Sabah.

5. Selain dari itu, sebanyak 10 stesen pemancar 4G baharu serta 266 penaiktarafan telah dilaksanakan secara komersial oleh pihak Pemberi Perkhidmatan di Sabah yang telah siap dan beroperasi pada tahun 2020.
6. Tambahan lagi, sebanyak 13,792 premis di Sabah akan disediakan dengan capaian sehingga 500Mbps melalui inisiatif peluasan rangkaian gentian optik talian tetap. Di samping itu, bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar talian tetap, inisiatif penaiktarafan perkhidmatan berdasarkan tembaga kepada rangkaian gentian optik akan dilaksanakan dan sebanyak 43,879 pelanggan di Sabah akan dinaik taraf dalam tempoh 2 tahun ini.
7. Pada masa yang sama, Kementerian sedang mengadakan sesi perancangan bersama pihak industri melalui Makmal Infrastruktur Digital Negara (Makmal) yang bermula dari 13 Julai sehingga 14 Ogos 2020 yang diterajui oleh SKMM untuk memantapkan kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara bagi memastikan semua kawasan yang berpenduduk mendapat liputan yang secukupnya.
8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, suatu kajian perancangan semula jalur frekuensi 87.5 MHz sehingga 108 MHz untuk perkhidmatan penyiaran radio FM sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan dijangka akan selesai pada suku keempat tahun 2020. Pelaksanaan perancangan semula spektrum termasuk kemungkinan penambahan saluran untuk perkhidmatan penyiaran radio FM adalah tertakluk kepada hasil kajian tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[ HULU RAJANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status projek pembangunan semula sekolah daif di Sarawak terutama sekolah-sekolah yang terletak di kawasan Hulu Rajang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), iaitu bagi tahun 2016 sehingga 2020, sejumlah RM1.388 bilion telah diluluskan untuk projek menaik taraf dan pembangunan semula 291 buah sekolah daif di negeri Sarawak. Peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf atau membina bilik darjah, asrama, bangunan pentadbiran dan kemudahan lain.

Sehingga 30 Jun 2020, sebanyak 167 projek telah siap, dengan 158 projek telah dikeluarkan *Certificate of Completion and Compliance (CCC)/Certificate of Partial Occupancy (CPO)* dan sembilan (9) projek lagi sedang dalam proses mendapatkan CPO. Di samping itu, sebanyak 49 projek masih dalam pembinaan, 13 projek dalam proses perolehan dan 62 projek berada dalam fasa pra bina.

**NO. SOALAN : 26**

Bagi kawasan Parlimen Hulu Rajang, terdapat lapan (8) sekolah yang terlibat dalam projek naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif dengan kos berjumlah RM66.6 juta.

Sehingga 30 Jun 2020, satu (1) projek telah siap iaitu SK Long Gang, dua (2) projek dalam pembinaan iaitu SK Nanga Sempili dan SK Abun Matu manakala baki 5 projek iaitu SK Ulu Kakus, SK Sg Tunoh, SK Airport, SK Keling dan SK Ng Oyan dalam peringkat prabina.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION  
BIN ISMAIL [ KULIM ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [ KULIM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pemohon Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang diluluskan dan nyatakan pecahan mengikut negeri dan kaum.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

- Setakat 3 Julai 2020, seramai 10.3 juta pemohon Bantuan Prihatin Nasional (BPN) telah diluluskan bayaran sebanyak RM10.9 bilion, dengan pecahan mengikut negeri seperti berikut:

NEGERI	BILANGAN	PERATUSAN
Selangor	1,615,611	16%
Johor	1,226,120	12%
Sarawak	950,767	10%
Perak	931,370	9%

Sabah	904,560	9%
Kedah	813,616	8%
WP	701,307	7%
Kelantan	663,282	6%
Penang	592,785	6%
Pahang	554,436	5%
Terengganu	447,433	4%
Negeri Sembilan	424,638	4%
Melaka	329,834	3%
Perlis	99,036	1%

2. BPN merupakan bantuan Kerajaan bagi meringankan beban kewangan golongan berpendapatan rendah yang sumber pendapatan mereka terjejas akibat penularan wabak COVID-19. Penyaluran BPN dilakukan berdasarkan kepada kelayakkan mengikut kategori pendapatan, iaitu kumpulan B40 dan M40. Pecahan penyaluran BPN adalah seperti berikut:
- a. M40 - seramai 3.1 juta penerima, di mana 1.4 juta adalah untuk isirumah dan 1.7 juta untuk individu bujang; dan
  - b. B40 – seramai 7.2 juta penerima, di mana 3.3 juta adalah untuk isirumah dan 3.9 juta untuk individu bujang.
3. Kerajaan tidak mengumpul atau menyimpan data penerima BPN mengikut pecahan kaum memandangkan hasrat BPN adalah bagi membantu golongan memerlukan tanpa mengira kaum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
[DAMANSARA]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TONY PUA KIAM WEE [ DAMANSARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan menyatakan kedudukan terkini perjanjian jual beli saham Bandar Malaysia Sdn. Bhd :-

- (a) apakah bayaran yang telah diterima, syarat-syarat yang telah dan belum dicapai; dan
- (b) apakah bayaran seterusnya yang akan diterima dan bila serta apakah perbelanjaan penajaan Bandar Malaysia Open 2020.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Selaras dengan kelulusan Jemaah Menteri pada 1 November 2019, satu *Restated And Amended Share Sale Agreement* (SSA) dan *Shareholders' Agreement* (SHA) antara TRX City Sdn Bhd (TRXC), IWH CREC Sdn Bhd (ICSB) dan Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB) telah dimeterai pada 17 Disember 2019 bagi penjualan 60% saham BMSB kepada ICSB dengan nilai jualan bersih sebanyak RM6.45 bilion.

2. Setakat ini, TRXC telah menerima sejumlah RM148.2 juta iaitu 2% daripada hasil nilai jualan dan dijangka akan menerima hampir RM1.1 bilion selewat-lewatnya pada 15 September 2020. Baki nilai jualan seterusnya akan diterima secara berperingkat sehingga tahun 2023.

3. Pada masa ini, ICSB masih dalam proses untuk memenuhi kesemua syarat-syarat pembelian (*"fulfilment of conditions precedent"*) seperti berikut:

- i. Kelulusan 5 pihak berkuasa Kerajaan Negara China melibatkan pelaburan luar negara dan pertukaran mata wang asing;
- ii. Kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM) melibatkan pelaburan asing dan mata wang asing; dan
- iii. Penyelesaian pelaksanaan due diligence ke atas BMSB.

4. Akibat daripada penularan wabak Covid-19, TRXC telah meluluskan permohonan ICSB supaya diberikan lanjutan masa [*"Extension of Time"* (EOT)] untuk memenuhi syarat-syarat pembelian dari 17 Jun 2020 kepada selewat-lewatnya 5 November 2020 dan EOT pembayaran baki deposit dan pendahuluan dari 30 April 2020 kepada selewat-lewatnya 15 September 2020.

Tuan Yang Dipertua,

5. Berkaitan Bandar Malaysia Open 2020, pihak TRXC dan juga anak syarikatnya BMSB tidak terlibat atau menyumbang kepada perbelanjaan penajaan program tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB  
[PULAI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan:

- (a) status ‘soft landing’ pengharaman pukat tunda ; dan
- (b) status pemutihan lesen nelayan.

JAWAPAN: YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Tuan Yang Dipertua,

a) Status *soft landing* penghapusan pukat tunda zon B (*exit policy*)

Pukat tunda merupakan peralatan menangkap ikan destruktif, tidak selektif dan tidak mesra sumber yang mengakibatkan kemerosotan sumber perikanan terutamanya di kawasan persisiran pantai. Beberapa negara juga telah mengharamkan penggunaan peralatan tersebut termasuk Indonesia, Jepun, Hong Kong dan Palau. Sehingga tahun 2018, terdapat 2,104 vesel pukat tunda masih aktif beroperasi di zon B berbanding 2,516 vesel yang dilesenkan pada tahun 2016.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah mengambil tindakan sewajarnya untuk melaksanakan *exit policy* secara *soft landing* bagi pukat tunda bermula pada tahun 2014. Antara inisiatif yang telah laksanakan oleh DOF adalah seperti berikut:

- i. Sekiranya pemilik ingin kekal di zon B, maka peralatan perlu ditukar kepada peralatan lain selain daripada pukat tunda iaitu pukat jerut atau peralatan tradisional. Sejumlah 44 pemilik vesel memilih untuk kekal di zon yang sama; dan
- ii. Sekiranya pemilik ingin pindah milik dan kekal dengan peralatan pukat tunda, vesel hendaklah berpindah ke zon C. Sejumlah 226 pemilik telah berpindah ke zon C dengan mengekalkan penggunaan peralatan pukat tunda.

Buat masa ini DOF telah merangka usaha ke arah pengurangan vesel pukat tunda zon B secara berfasa ke arah **sifar** pukat tunda zon B. Usaha-usaha yang **akan** dilaksanakan bermula tempoh Rancangan Malaysia ke-12 adalah seperti berikut:

- i. Insentif **Penstrukturan Vesel** Pukat Tunda zon B iaitu pampasan secara *one-off* kepada pemilik vesel pukat tunda zon B untuk keluar terus daripada industri perikanan tangkapan;
- ii. Skim Pembiayaan **Pemodenan Vesel** bagi nelayan yang bersetuju untuk berpindah ke zon C; dan
- iii. Pemberian geran bagi **pertukaran kepada peralatan tradisi** dan **pertukaran kawasan operasi** lebih jauh.

**b) Status pemutihan lesen vesel**

Bagi memastikan lesen vesel penangkapan ikan yang dikeluarkan adalah terkawal dan diusahakan oleh pengusaha yang benar-benar tulen '*genuine player*', maka pemutihan secara berjadual dan komprehensif ke atas 52,556 vesel untuk kesemua zon (A, B, C dan C2) yang disemak melalui sistem e-lesen dan sistem *Malaysian Fishing Vessel Record* (MFVR) telah dilaksanakan. Untuk makluman, aktiviti pemutihan lesen vesel bagi semua zon dijalankan secara tahunan oleh DOF. Status terkini jumlah pemutihan lesen vesel bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti berikut:

<b>ZON</b>	<b>BILANGAN LESEN VESEL (Pukat Tunda, Jerut, Bubu dan Rawai)</b>		
	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>Catatan</b>
Zon A	44,029	44,217	
Zon B	5,539	5,288	
Zon C	2,366	2,417	Bertukar zon dari zon B ke zon C
Zon C2	714	634	
<b>JUMLAH</b>	<b>52,648</b>	<b>52,556</b>	

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (SEREMBAN)**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah perjanjian Projek Sistem Transit Rapid (RTS) antara Bukit Chagar, Johor Bahru dan Singapura dapat ditandatangani, tarikh jangka mula dan jangka siap pembinaan, kos pembangunan keseluruhan dan cara pembiayaan projek tersebut secara terperinci.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memastikan dan komited bahawa Projek Rapid Transit System Link (RTS Link) yang telah ditangguhkan pelaksanaannya sebelum ini dapat dimuktamadkan sebelum 31 Julai 2020 sebagaimana yang telah dipersetujui antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Singapura.

Situasi pandemik wabak Coronavirus (COVID-19) yang melanda kedua-dua negara malahan seluruh dunia sedikit sebanyak turut memberi kesan ke atas rundingan RTS Link tersebut. Walau bagaimanapun, daripada kemajuan yang dicapai, proses rundingan boleh dimuktamadkan dalam tempoh yang ditetapkan serta persetujuan dan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu berbangkit tanpa menjaskan kepentingan negara.

Jajaran RTS Link sepanjang 4km ini akan menghubungkan stesen Bukit Chagar bersebelahan JB Sentral, Johor Bahru dengan stesen Woodlands North di Singapura. Pembinaan RTS Link ini dijangka akan bermula sejurus selepas kelulusan-kelulusan yang sewajarnya diperolehi iaitu pada Januari 2021 dan dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2026. Pembinaan RTS Link ini akan berjalan dalam 2 fasa iaitu dari tahun 2021 hingga hujung tahun 2024 fasa pembangunan dan sivil manakala dari tahun 2025 hingga hujung tahun 2026 pula adalah fasa pentauliahan dan pengujian sistem. Projek RTS Link bertujuan menawarkan pengangkutan alternatif kepada rakyat yang menggunakan Tambak Johor bagi perjalanan harian antara Johor Bahru dan Singapura.

Berikutnya beberapa pindaan di dalam komponen utama RTS Link termasuk perubahan dalam sistem MRT kepada LRT, anggaran kos siling terkini projek RTS adalah sebanyak RM3.161 billion. Walau bagaimanapun, kos tersebut adalah belum mengambil kira kos pemindahan lokasi depot dari Mandai di Singapura ke Johor Bahru. Pemindahan dan pengoperasian depot ini kelak sudah pasti akan menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada Rakyat Malaysia.

Bagi membiayai kos projek ini, Kerajaan sedang meneliti beberapa opsyen bagi mendapatkan kaedah pembiayaan terbaik yang menguntungkan negara. Antara sumber pembiayaan yang sedang diteroka adalah melalui *deferred payment* atau pembiayaan melalui jaminan Kerajaan menerusi Danalnfra Nasional Berhad atau mana-mana SPV yang dirasakan bersesuaian. Pembayaran balik pembiayaan ini diperoleh melalui yuran konsesi yang akan dibayar oleh syarikat usahasama pengendali kereta api (JV OpCo) secara berperingkat.

Walau bagaimanapun, kaedah pembayaran balik sebenar akan dipertimbang dan diputuskan oleh Jemaah Menteri sebelum perjanjian dimeterai oleh kedua-dua belah pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOW TSEOW SUAN  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Puan Hannah Yeow Tseow Suan [ Segambut ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran berkaitan pertukaran Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara dan Pengurus LPPKN termasuk sebab pertukaran, perbandingan proses pelantikan baru ini dengan yang dibuat oleh mantan Menteri, gaji, elauan dan kelayakan mereka yang baru dilantik ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengambil maklum atas keprihatinan YB mengenai perubahan dalam struktur organisasi pentadbiran Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Terlebih dahulu, terima kasih diucapkan kepada mantan Ketua Pegawai Eksekutif YKN iaitu YBhg. Datin Paduka Che Asmah binti Ibrahim dan mantan Pengerusi LPPKN iaitu YBhg. Datuk Dr. Narimah Awin atas jasa-jasa dan sumbang bakti yang dicurahkan kepada negara sepanjang tempoh mereka berkhidmat di YKN dan LPPKN.

Kontrak Ketua Pegawai Eksekutif YKN ditamatkan berdasarkan asas menjaga kepentingan baik Kerajaan serta hala tuju pimpinan Kerajaan baharu. Kaedah pelantikan dan penamatan Ketua Pegawai Eksekutif YKN adalah termaktub dalam klausa Surat Ikatan Amanah YKN dan ianya telah dilaksanakan berpandukan terma-terma yang terkandung dalam kontrak perkhidmatan tersebut. Buat masa ini, YKN sedang mengenal pasti calon yang sesuai yang berlatarbelakangkan elemen kebajikan sosial untuk menerajui YKN sebagai Ketua Pegawai Eksekutif YKN supaya agenda YKN bagi membantu usaha kerajaan dalam memajukan kebajikan dan pembangunan rakyat Malaysia khususnya dalam kebajikan kanak-kanak dan keluarga berteraskan modaliti penjanaan modal insan dapat dicapai.

Bagi pelantikan Pengerusi LPPKN yang ke-11, beliau telah dilantik bagi tempoh dua (2) tahun mulai 15 Jun 2020. Pelantikan Pengerusi LPPKN yang terkini adalah berdasarkan keperluan yang mendesak yang perlu dilaksanakan segera mengikut hala tuju Kerajaan baharu. Pelantikan tersebut adalah berdasarkan prosedur operasi standard mengikut Seksyen 4.3 Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 1998. Proses pelantikan, gaji dan elaun adalah sama dengan pelantikan pengerusi LPPKN yang sebelum ini.

Saya percaya sepenuhnya bahawa pengerusi LPPKN baharu yang dilantik mempunyai tahap integriti yang tinggi di samping memahami

**SOALAN NO. : 32**

peranan Kerajaan dalam pengurusan sosioekonomi yang merangkumi pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi. Saya berharap supaya aspirasi LPPKN untuk memacu agenda kependudukan dan kekeluargaan yang inovatif dapat dicapai dengan pelantikan baharu ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEEMPAT  
BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian akan menyiasat tuduhan perkauman yang serius terhadap pelajar dan kakitangan dari Afrika di Universiti Lim Kok Wing yang telah dilaporkan secara meluas dalam media sosial dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk melindungi ‘reputasi’ sektor pendidikan tinggi di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap aduan yang diterima berkaitan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terutama sekali yang melibatkan kepentingan dan kebajikan pelajar antarabangsa. Dalam hal ini, Kementerian mengambil maklum dan memandang serius berhubung dengan tuduhan perkauman terhadap pengurusan Universiti Teknologi Kreatif LimKokWing (LUCT) yang tular di laman sosial.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan surat tunjuk sebab untuk mendapatkan penjelasan lanjut daripada pihak LUCT. Walaupun pihak LUCT telah membuat permohonan maaf, namun pihak Kementerian masih meneruskan siasatan bagi memastikan nama dan imej negara sentiasa terjamin.

Kementerian tidak akan berkompromi dalam isu yang melibatkan perkauman dan akan memastikan semua aduan berkaitan perkara ini diselesaikan. Seksyen 89 (1) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) juga dengan jelas menyatakan bahawa keanggotaan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta hendaklah dibuka kepada semua orang tanpa mengira jantina, ras, agama, bangsa atau kelas. Pihak Kementerian boleh mengenakan tindakan yang tegas ke atas mana-mana pihak termasuk pengurusan IPTS yang didapati bersalah dalam isu bersifat perkauman dan seumpamanya.

Semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) perlu memberi fokus kepada penawaran program pengajian yang berkualiti. IPTS juga memainkan peranan dalam membantu negara mempromosikan pendidikan tinggi swasta dengan menonjolkan *branding* dan imej negara yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]**

**TARIKH :** **15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset–aset negara termasuk Khazanah yang telah dijual dari Mei 2018 hingga Februari 2020 serta jelaskan pembeli–pembeli tersebut dan sebab sebenar tindakan perjualan tersebut dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dari Mei 2018 hingga Februari 2020, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah melaksanakan pelupusan atas aset dan pegangan saham miliknya berjumlah kira-kira RM24.56 bilion.

Dalam tempoh tersebut, aset yang dilupuskan adalah dalam pelbagai sektor dan industri termasuk perbankan, kewangan, teknologi, kesihatan, tenaga, dan infrastruktur, di dalam dan luar negara, secara pelupusan separa atau sepenuhnya.

Antara aset yang tersenarai yang dilupuskan adalah saham-saham dalam CIMB Group Holdings Berhad, BDO Unibank Inc, Infosys Limited, PT Charoen Pokphand Indonesia, Titan Industries Limited, IHH Healthcare

Berhad, Alibaba Group Holdings, Tenaga Nasional Berhad, Farfetch.com Ltd, dan SEA Ltd.

Memandangkan Khazanah tidak menerima sebarang suntikan dana berkala daripada Kerajaan, Khazanah menggunakan hasil daripada pelupusan tersebut bagi tujuan membiayai pelaburan baharu serta membayar balik hutangnya yang telah mencapai tempoh matang.

Kebanyakan pelupusan dalam tempoh tersebut adalah pegangannya dalam syarikat tersenarai dan dilaksanakan di pasaran sekunder terbuka (*open secondary market*), yang mana pihak yang membeli saham-saham ini merupakan para pelabur pasaran tersebut. Bagi urus niaga dalam bentuk penempatan saham (*private placement*) pula, khususnya di peringkat domestik, pihak yang membeli aset Khazanah pada kebiasaananya pula merupakan pelabur institusi dan swasta.

Secara amnya, Khazanah akan mempertimbangkan peluang pelupusan aset sebaik sahaja aset tersebut mencapai objektif pelaburan dan sasaran pulangannya. Berkenaan penjualan aset tanah, tiada sebarang penjualan atau pelupusan tanah milik Kerajaan Persekutuan dibuat selepas 9 Mei 2018 sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMBUT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisma penyediaan dan pembekalan bahan pencuci tangan (handwash) di semua sekolah bagi memastikan bekalan yang mencukupi dan berpanjangan bagi melawan COVID-19 serta berapa jumlah peruntukan yang disediakan untuk tujuan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan kepada aspek keselamatan dan kesihatan murid, guru dan kakitangan sekolah sepanjang mereka berada di sekolah. Pihak sekolah telah menyediakan peralatan dan bahan seperti alat penyukat suhu badan, pensanitasi tangan dan sabun pencuci tangan untuk warga sekolah.

Bagi tujuan tersebut, KPM telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk melaksanakan proses perolehan dan perbekalan peralatan atau bahan keselamatan dan kebersihan, termasuk bahan pencuci tangan.

**NO. SOALAN : 35**

Sehingga Jun 2020, KPM menyediakan peruntukan sebanyak RM57.88 juta bagi tujuan perolehan peralatan, bahan keselamatan dan kebersihan yang mencukupi untuk kegunaan sekolah. Namun, KPM bersedia untuk menyediakan peruntukan sekiranya terdapat keperluan tambahan bagi tujuan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha dan hala tuju Kementerian bagi meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan seperti lembu dan kambing di Malaysia. Nyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada negeri Sarawak bagi meningkatkan pengeluaran ternakan ruminan pada RMK-11 yang berakhir pada tahun ini.

**JAWAPAN:** **YB DATUK SERI DR RONALD KIANDEE,**  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**Yang di-Pertua,**

1. Pembangunan Industri Ruminan secara holistik merupakan salah satu keutamaan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) seperti dalam Halatuju MOA: Prioriti dan Strategi tahun 2019-2020. Fokus diberikan kepada pembangunan industri ruminan melalui inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan bagi tujuan peningkatan pengeluaran industri ruminan.

2. Antara inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah seperti berikut:

- i. program Rintis Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER) yang merupakan insentif berbentuk geran

- pemadanan kepada penternak semi komersial menerusi konsep 70:30 iaitu pembiayaan sebanyak 70% daripada kerajaan manakala 30% adalah daripada penternak;
- ii. program Rintis Pembangunan Industri Tenusu Negara yang dilaksanakan melalui insentif geran pemadanan untuk penternak skala kecil 70:30 iaitu pembiayaan sebanyak 70% daripada kerajaan manakala 30% adalah daripada penternak. Manakala usahawan berskala besar 30:70 iaitu pembiayaan sebanyak 30% daripada kerajaan manakala 70% adalah daripada usahawan;
  - iii. penggalakkan penglibatan pelaburan swasta dalam penternakan dengan menyediakan infrastruktur kandang di bawah Projek Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) yang memberi fokus kepada pengusaha komersial dan semi komersial; dan
  - iv. penggalakkan penglibatan agropreneur muda dalam sektor ternakan terutamanya industri ruminan.
3. Selain itu, fokus juga turut diberikan kepada pembangunan industri ruminan di Sarawak melalui Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11). Sepanjang RMKe11, sebanyak RM69 juta telah diluluskan kepada agensi-agensi berkaitan di Negeri Sarawak bagi projek-projek berkaitan dengan pengeluaran ternakan ruminan seperti lembu, kerbau dan kambing. Peruntukan ini meliputi usaha-usaha pembangunan makanan ternakan, kesihatan, benih serta baka haiwan ternakan ruminan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa peruntukan untuk Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menurun daripada RM1.577 bilion pada tahun 2015 kepada hanya RM506.46 juta untuk tahun 2019 dan RM670.12 juta untuk tahun 2020 hinggakan Kementerian tidak dapat lagi memberikan geran tanam semula kelapa sawit dan terpaksa menaikkan cukai ses minyak sawit daripada RM13.00 satu tan metrik ke RM14.00 satu metrik tan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) menerima peruntukan sebanyak RM1.66 bilion pada tahun 2015 termasuk peruntukan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (*Cooking Oil Stabilisation Scheme - COSS*) sebanyak RM950 juta. Pada 21 September 2016, Jemaah Menteri telah memutuskan pelaksanaan COSS dipindahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkuatkuasa mulai 1 November 2016.

2. Manakala keputusan kenaikan kadar ses minyak sawit mentah daripada RM13.00 setiap tan metrik kepada RM14.00 setiap tan metrik yang diluluskan Kementerian Kewangan berkuatkuasa pada 1 Januari 2020 dibuat susulan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2019 yang diperuntukkan di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582). Perintah baharu ini dikeluarkan atas kuasa YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi setelah berunding dengan Menteri Kewangan pada ketika itu sebagaimana kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 35 akta tersebut.
3. Geran tanam semula kepala sawit sebanyak RM30 juta pada tahun 2017 telah diperuntukkan Kerajaan secara “one-off” sempena sambutan Ulang Tahun Industri Minyak Sawit Negara pada ketika itu. Insentif seumpamanya turut diluluskan sebagai projek pembangunan di bawah Skim Rangsangan Tanam Baru (RTB) Sawit Pekebun Kecil Persendirian dalam bentuk geran dan Skim Rangsangan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (RTS) (secara pinjaman) yang masih dikekalkan bagi meringankan beban kewangan di kalangan pekebun kecil semasa peringkat awal penanaman sawit. Kerajaan terus komited dalam menyokong peluasan penanaman semula sawit dengan pengumuman Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD  
YUNUS [ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status menggalakkan lebih ramai pelajar memasuki Kelas Aliran Agama (KAA) sehingga peringkat SPM terutamanya di Lembah Klang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah harian telah mula diperkenalkan sejak tahun 1992. Ini adalah sebagai inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menampung kekangan tempat yang terhad di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Sehingga Jun 2020, seramai 65,158 murid telah mengikuti KAA di 638 buah sekolah.

Dalam memastikan KAA adalah aliran yang kompetitif, KPM telah menyediakan pilihan kombinasi pakej mata pelajaran elektif yang lebih luas dan terbuka. Ini bagi memastikan potensi murid dapat dibangunkan berdasarkan kecenderungan, minat dan kebolehan mereka. Murid di KAA boleh memilih pakej mata pelajaran elektif Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas. Antara mata pelajaran yang ditawarkan dalam pakej-pakej ini termasuk Matematik Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi, Prinsip Perakaunan dan

Perniagaan. Ini akan membolehkan murid KAA lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) juga berpeluang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) sama ada di dalam atau di luar negara berdasarkan pakej-pakej mata pelajaran yang diambil.

KPM yakin pakej KAA yang ditawarkan di sekolah harian ini akan dapat menarik lebih ramai murid untuk terus mengikuti KAA sehingga ke peringkat SPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI  
SHIEN [ JULAU ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 38**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pembelajaran para pelajar, terutama sekali di kawasan luar bandar dan pedalaman tidak terjejas dan keciciran akibat penularan wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk memastikan semua murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). KPM berusaha menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *Home-based Learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Kaedah *Home-based Learning* ini dilaksanakan melalui pelantar pembelajaran digital iaitu MOE-DL, yang kemudiannya dikenali sebagai Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMA). Pelantar ini boleh diakses oleh guru dan murid. Selain itu, mereka juga boleh menggunakan pelantar EduwebTV, CikgoTube dan Kelas Digital untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pada 28 Mac hingga 2 April 2020, KPM telah menjalankan Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian (*Online Learning*) melibatkan 670,118 responden yang terdiri daripada ibu bapa kepada 893,331 murid. Dapatan kajian menunjukkan 6.0 peratus murid memiliki komputer peribadi, 9.3 peratus murid memiliki komputer riba, 5.8 peratus murid memiliki tablet dan 46.5 peratus murid memiliki telefon pintar. Di samping itu, terdapat juga murid yang memiliki lebih daripada satu peranti bagi kegunaan pembelajaran secara dalam talian. Namun, dalam masa yang sama, masih terdapat 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti bersesuaian. Ini merupakan satu cabaran besar kerana pembelajaran tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian merupakan sesuatu yang baharu untuk kebanyakan guru, murid dan ibu bapa. Mereka masih memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan kaedah baharu ini.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan semua murid mendapat akses pembelajaran secara seragam, termasuk juga murid di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, *Home-based Learning* turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan. Siaran dilaksanakan melalui saluran TV Okey dan saluran Tutor TV Astro di saluran 601 dan 603.

Selain itu, bagi murid yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman khususnya, guru melaksanakan PdP melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid. Serahan bahan ini dibuat melalui pelbagai kaedah seperti perkhidmatan pos, bantuan penghantaran oleh Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) dan kaunter pandu lalu di sekolah.

Segala usaha yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah serta guru begitu komited dan telah berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab untuk memastikan murid

tidak ketinggalan atau tercicir dalam mengikuti pembelajaran yang sewajarnya. KPM ingin merakamkan penghargaan kepada semua guru atas segala usaha yang telah dilaksanakan bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran diteruskan walaupun dalam keadaan yang mencabar. Selain itu, KPM juga turut menghargai peranan ibu bapa dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di rumah berjalan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 40**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian terhadap tiga muka surat pengenalan Jawi dalam sukatan buku teks Bahasa Melayu darjah 4 SJKC dan SJKT.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), terdapat peruntukan yang menetapkan bahawa Kurikulum Kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua sekolah dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan. Akta tersebut juga menyatakan bahawa Kurikulum Kebangsaan hendaklah termasuk mata pelajaran teras. Bahasa kebangsaan, iaitu Bahasa Melayu, merupakan salah satu mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan. Oleh itu, mata pelajaran teras ini hendaklah menjadi asas yang mesti dipelajari oleh semua murid di semua sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta.

Berkaitan dengan pengenalan tulisan jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 telah membuat keputusan supaya bilangan muka surat buku teks dikurangkan daripada 6 muka surat mengikut cadangan asal kepada 3 muka surat sahaja. Jemaah Menteri juga memutuskan agar pengenalan tulisan jawi terus dilaksanakan di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan sekolah mubaligh bantuan Kerajaan jika dipersetujui oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta murid.

**NO. SOALAN : 40**

Mengambil kira Akta Pendidikan 1996, KPM akan memperhalusi semula perkara berkaitan dengan tulisan jawi ini secara menyeluruh dan holistik. Buat masa ini, keputusan Jemaah Menteri sebelum ini dikekalkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan alasan untuk memperkenalkan semula PPSMI (Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris) dan apakah penambahbaikan yang akan dibuat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan PPSMI terdahulu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia tidak berhasrat untuk memperkenalkan semula dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 42**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan kesan-kesan virus COVID-19 dari hidupan liar seperti spesies kelawar dan tenggiling di mana spesies-spesies ini juga terdapat di Malaysia. Mengikut maklumat dari Negara China, punca awal wabak ini adalah berasal daripada hidupan liar seperti spesies kelawar dan tenggiling. Adakah virus ini boleh didapati pada hidupan liar di negara kita dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam memantau virus dalam populasi hidupan liar di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hasil kajian melalui aktiviti-aktiviti pemantauan dan surveyan penyakit zoonotik oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) mendapati virus SARS-CoV-2 yang menyebabkan penyakit Covid-19 tidak ditemui pada hidupan liar di negara ini.

2. KeTSA sentiasa proaktif dalam memantau penyakit zoonotik bawaan hidupan liar kepada manusia melalui *Wildlife Disease Surveillance Programme* yang telah dilaksanakan sejak tahun 2011. Melalui program ini, satu kumpulan dedikasi yang dikenali sebagai *Outbreak Response Team* yang terdiri daripada Pegawai Penyelidik, Pegawai Hidupan Liar dan Pegawai Veterinar telah diwujudkan.
3. Jabatan PERHILITAN turut terlibat dalam projek kerjasama antarabangsa yang dikenali sebagai Projek PREDICT bermula dari tahun 2010 hingga 2019 bagi mengkaji kesan penyakit zoonotik. Projek ini melibatkan perjanjian kerjasama di antara Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan EcoHealth Alliance.
4. Selain itu, Jabatan PERHILITAN terlibat sebagai ahli ‘Jawatankuasa antara Kementerian bagi Kawalan Penyakit Zoonotik’ yang dipengerusikan bersama oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Sebarang penemuan virus baru yang mempunyai potensi untuk menyebabkan pandemik akan dibincangkan dalam Jawatankuasa ini.
5. Di bawah Projek PREDICT, pelbagai sampel dikumpulkan dan disaring penyakit menggunakan 5 panel famili virus/genera termasuklah famili Corona, Filo, Flavi Influenzas dan Paramyxo virus. Hasil analisis saringan penyakit ke atas sejumlah 2,463 sampel daripada 1,195 individu (740 kelawar, 286 tenggiling, 125 *rodent* dan *shrew*, 42 *non-human primates* dan 2 mamalia kecil lain) pada tahun 2014 hingga 2019, mendapati enam (6) sampel yang positif kepada virus Corona di mana dua (2) daripadanya adalah baharu (*novel*) dan diberi nama PREDICT\_CoV-87 dan PREDICT\_CoV-104. Kedua-dua virus baharu ini ditemui pada kelawar. Manakala sebanyak 286 individu tenggiling yang melibatkan

sejumlah 572 sampel telah dianalisa dan kesemuanya adalah negatif kepada virus Corona.

6. Virus Corona baharu PREDICT\_CoV-87 dan PREDICT\_CoV-104 termasuk dalam genus Alpha-coronavirus dan tidak sama dengan COVID-19. Setakat ini, virus Corona baharu ini tidak membawa ancaman kepada kesihatan awam. Jabatan PERHILITAN akan meneruskan aktiviti pemantauan dan surveyan penyakit zoonotik sebagai sistem amaran awal (*early warning system*) untuk mengelak berlakunya penularan penyakit zoonotik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LARRY SOON @  
LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LARRY SOON@LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan terkini ekonomi dan fiskal negara serta apakah kesan penularan wabak COVID-19 terhadap perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 telah memberi impak negatif ke atas kedudukan ekonomi dan kewangan Kerajaan Persekutuan. Pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun ini telah disemak semula dan diunjur antara -2% hingga 0.5% seperti yang telah diumumkan oleh Bank Negara Malaysia pada 3 April 2020. Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan kepada Malaysia, malah ekonomi global turut diunjur mengalami kemelesetan pada kadar -4.9% berdasarkan unjuran terkini oleh IMF pada Jun 2020.

2. Walau bagaimanapun, kegiatan ekonomi dijangka pulih secara beransur-ansur pada tempoh separuh kedua tahun 2020 berikutan penamatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan langkah-langkah rangsangan ekonomi yang telah diumumkan. Pada tahun 2021,

pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan berkembang sejajar dengan unjuran pertumbuhan global yang lebih baik.

3. Dari segi kedudukan fiskal negara pula, penularan pandemik COVID-19 turut memberi kesan yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Bagi menangani krisis, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Namun begitu, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion.
4. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK.
5. Semua langkah yang telah diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi adalah bersifat *one-off* agar tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Hal ini adalah penting bagi memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Selain itu, Kerajaan akan kembali melaksanakan langkah konsolidasi fiskal dalam jangka masa sederhana bagi mewujudkan ruang fiskal supaya kedudukan kewangan Kerajaan kembali mampan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[ SETIAWANGSA ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang langkah yang diambil atas permintaan para pelajar untuk menurunkan yuran pembelajaran. Hal ini kerana pelajar tidak menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak universiti dan pembelajaran atas talian tidak efektif berbanding dengan kelas secara fizikal. Dengan keadaan ekonomi yang semakin merosot, sesetengah pelajar tidak mampu membayar yuran yang tinggi itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa prihatin terhadap maklum balas daripada para pelajar, ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan supaya yuran-yuran di Universiti Awam dapat dikurangkan dalam membantu meringankan beban kewangan pelajar dan ibu bapa akibat penularan wabak COVID-19. Dalam hal ini, KPT telah mengadakan rundingan dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mencari jalan penyelesaian terbaik berhubung perkara ini.

Hasil daripada rundingan tersebut, Kerajaan bersetuju mengurangkan kadar yuran asrama dan yuran perkhidmatan atau aktiviti Universiti Awam (UA) sehingga 15% setelah mengambil kira keupayaan kewangan kerajaan dan Universiti Awam. Pengurangan yuran bagi Semester Kedua Sesi Akademik 2019/2020 untuk pelajar warganegara Malaysia ini melibatkan peruntukan sebanyak RM 72 juta di mana RM 20 juta telah dipersetujui bersama Kementerian Kewangan dan baki adalah menerusi peruntukan dalam universiti. Seramai 523,318 pelajar UA di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada keputusan ini.

Pengurangan yuran ini adalah tambahan kepada bantuan-bantuan yang telah diberikan kepada pelajar sebelum ini seperti:

- i. Bantuan secara one-off sebanyak RM200 kepada setiap pelajar IPT di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat melibatkan peruntukan sebanyak RM168,292,800 yang memberikan manfaat kepada 841,464 pelajar;
- ii. Peruntukan sebanyak RM52,202,412 disalurkan kepada lebih 82 ribu pelajar yang berada di dalam kampus semasa tempoh PKP bagi penyediaan makanan mereka; dan
- iii. Penghantaran pulang 57,565 pelajar melibatkan peruntukan sebanyak RM17.4 juta; dan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan impak kewangan kepada Malaysia melalui rantaian bekalan global, aktiviti pelaburan dan saluran kewangan terutamanya dalam bidang perdagangan luar memandangkan prestasi ekonomi bagi kebanyakan rakan dagang kita telah terjejas akibat COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) telah memberi kesan kepada aktiviti ekonomi di seluruh dunia, baik dari segi perdagangan mahupun pelaburan. Berdasarkan unjuran Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan ekonomi dunia dijangka menguncup 4.9% dan perdagangan global dianggar merosot 3.5% pada tahun 2020 akibat pandemik ini. Dalam kalangan rakan dagang utama Malaysia pula, IMF mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi Amerika Syarikat dan Singapura menguncup, masing-masing sebanyak 8% dan 3.5% pada 2020. Sementara itu, IMF menjangkakan KDNK China berkembang hanya 1% pada tahun ini.

2. Sejajar dengan prestasi ekonomi dan perdagangan global serta rakan dagangan utama yang semakin perlahan, jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan pengurangan sebanyak 8.7% kepada RM688.6 bilion bagi tempoh Januari hingga Mei 2020 berbanding tempoh yang sama pada 2019. Eksport telah mencatatkan penurunan sebanyak 9.7% kepada RM366.2 bilion dan import pula susut 7.5% kepada RM322.4 bilion. Sementara itu, lebihan dagangan mencatat RM43.8 bilion, menurun sebanyak 23% berbanding tempoh yang sama pada 2019. Perdagangan yang lebih rendah direkodkan dengan Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong, Jepun dan Negara Thai.

3. Dari segi sektor ekonomi, bagi tempoh lima bulan pertama 2020, eksport barang pembuatan yang merangkumi 85% daripada jumlah eksport negara, menguncup 8.5% kepada RM311.4 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas berikutan terutamanya penurunan eksport barang elektrik dan elektronik. Prestasi eksport komoditi negara juga perlahan berbanding 2019, iaitu eksport gas asli cecair menurun 16.6% kepada RM15.6 bilion dan eksport keluaran pertanian iaitu minyak sawit turut berkurang 1% kepada RM17.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pada suku pertama 2020, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM6.4 bilion berbanding RM19.4 bilion pada suku pertama 2019. Pelaburan direkodkan terutamanya dalam sektor perkilangan, kewangan dan insuran/takaful, perlombongan dan kuari, kesihatan manusia dan kerja sosial serta bekalan elektrik, gas, stim dan penghawa dingin. Kebanyakan pelaburan ini diterima terutamanya dari Amerika Syarikat, Singapura, Ireland, Jepun dan Virgin Islands (Britain).

5. Sehubungan itu, bagi mengimbangi kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi negara, Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi, termasuk Paket PRIHATIN dan PRIHATIN PKS

## **NO SOALAN : 45**

Tambahan berjumlah RM260 bilion di antara Februari hingga Mei 2020 bagi menangani krisis ekonomi semasa. Sementara itu, pada Jun 2020, Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion yang bermatlamat untuk (i) memperkasakan rakyat; (ii) melonjakkan perniagaan; dan (iii) merangsang ekonomi.

6. Melalui pakej PRIHATIN dan PENJANA, inisiatif ini dijangka dapat memulih dan merangsang kembali ekonomi yang terjejas akibat wabak COVID-19 mulai tempoh separuh kedua 2020. Pada tahun 2021, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan berkembang sejajar dengan unjuran pertumbuhan global yang lebih baik.
7. Memandangkan ekonomi negara merupakan ekonomi yang sangat terbuka, prestasi perdagangan dan pelaburan negara secara keseluruhannya turut didorong oleh prospek dan aktiviti ekonomi global. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus menumpukan usaha untuk memulihkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi serta memperkuuh daya saing dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI  
SALLEH [KUANTAN]**  
**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 46**

**YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh** minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan:

- (a) jumlah aduan berkaitan **peningkatan bil elektrik** selepas menjalankan semula bacaan meter selepas Perintah Kawalan Pergerakan(PKP); dan
  
- (b) apakah **punca bil elektrik terlalu tinggi** dan **bagaimana Kementerian menjelaskan kaedah pengiraan** penggunaan elektrik kepada rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebanyak 67,576 pertanyaan dan aduan berkaitan peningkatan bil elektrik telah diterima oleh pihak Tenaga Nasional Berhad

(TNB) selepas menjalankan semula bacaan meter bermula 15 Mei 2020 yang dihentikan bermula pada 20 Mac 2020.

2. Selain itu, sejumlah 3,551 aduan terhadap TNB juga telah diterima oleh Suruhanjaya Tenaga berhubung peningkatan bil elektrik semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pertanyaan dan aduan yang dikemukakan oleh pengguna ini adalah untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pengiraan bil elektrik mereka semasa tempoh PKP.
3. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan bil elektrik di kalangan pengguna domestik sepanjang tempoh PKP. Antaranya adalah seperti berikut:
  - (i) penggunaan elektrik di kalangan pengguna domestik sepanjang tempoh PKP telah meningkat di antara 20 hingga 50%. Keadaan ini berlaku kerana rakyat telah mematuhi perintah Kerajaan untuk berada di rumah masing-masing dan tidak keluar rumah sepanjang tempoh PKP kecuali pekerja-pekerja dalam sektor-sektor yang menyediakan perkhidmatan penting kepada rakyat; dan
  - (ii) operasi bacaan meter elektrik secara fizikal telah dihentikan sepanjang tempoh PKP iaitu bagi tempoh 20 Mac 2020 sehingga 18 Mei 2020. Bacaan bil dibuat secara anggaran bagi tempoh Mac, April dan Mei 2020 yang menyebabkan bil elektrik bulan Jun kelihatan tinggi kerana penyelarasan dibuat bagi bil anggaran bulan Mac, April dan Mei di dalam bil bulan Jun.

## NO. SOALAN: 46

4. Memang tidak dinafikan bahawa pembacaan bil secara anggaran ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna memandangkan ini merupakan kali pertama TNB melaksanakan pengebilan secara anggaran untuk tempoh 3 bulan berturut-turut. Tambahan pula, kaedah pengiraan ini agak sukar difahami oleh sebahagian besar rakyat yang menyebabkan timbulnya ketidakpuasan hati dan seterusnya menyebabkan isu peningkatan bil secara mendadak menjadi tular di media sosial. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan kepada Dewan Yang Mulia ini bahawa kaedah pengiraan yang diguna pakai oleh TNB telah disahkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga sebagai badan kawal selia industri bekalan elektrik negara. Kaedah yang sama juga diguna pakai oleh utiliti negara lain yang telah menghentikan bacaan bil secara fizikal dalam menangani penularan wabak Covid 19.
  
5. Bagi membantu pengguna memahami kaedah pengiraan bil elektrik ini, pihak Kerajaan bersama-sama Suruhanjaya Tenaga dan TNB telah memberi penjelasan melalui pelbagai kaedah menggunakan saluran media elektronik, media cetak dan media sosial. Kementerian saya juga akan mengadakan sesi penerangan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memberi penjelasan mengenai kaedah pengiraan bil anggaran ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 47**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan dasar semasa Kerajaan mengenai hal pengeluaran permit eksport untuk pelbagai jenis pasir dan minta disenaraikan jumlah dan nama pemegang permit ini dan negeri di mana mereka mengumpul pasir ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terdapat beberapa pengelasan pasir yang dikendalikan oleh Kementerian ini berdasarkan kewujudan, kegunaan dan kandungan mineral bahan tersebut. Contohnya, pasir sungai, pasir laut, pasir lombong, pasir pantai dan pasir silika.

2. Merujuk kepada dasar terkini Kerajaan, ianya masih diteruskan dan akan dikaji dari semasa ke semasa.
3. Kementerian ini membenarkan pengeksportan pasir sungai ke negara-negara yang mempunyai hubungan dagang dengan Malaysia. Contohnya, India, Hong Kong, Taiwan, China dan lain-lain.
4. Kelulusan/kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkaitan (negeri di mana sumber pasir sungai diperolehi/ diekstrak) adalah diperlukan sebelum pengeluaran Lesen Eksport (AP) kepada syarikat-syarikat pemohon diluluskan untuk mengeksport pasir sungai ke luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[PANDAN]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [ PANDAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk dalam menyediakan Bantuan Prihatin Nasional untuk mengenal pasti dan membantu dalam kalangan mereka yang bekerja sendiri yang dianggarkan seramai 2.7 juta orang pada tahun 2019 yang terjejas akibat daripada wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh singkat, penularan wabak COVID-19 telah membawa impak yang meluas dan menjelaskan kehidupan rakyat dan aktiviti perniagaan. Dengan itu, YAB Perdana Menteri telah mengambil tindakan pantas dan proaktif dengan memperkenalkan PRIHATIN pada 27 Mac 2020, iaitu pakej rangsangan ekonomi yang terbesar dalam sejarah negara.

Antara inisiatif PRIHATIN yang dapat membantu mereka yang bekerja sendiri termasuklah penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman, pengurangan caruman KWSP, subsidi upah serta dana pinjaman mudah untuk PKS termasuk yang bekerja sendiri. Di samping itu, Kerajaan turut memperkenalkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang pertama kali mensasarkan bayaran bantuan kepada golongan M40 di samping B40. Keputusan ini diambil memandangkan impak COVID-19 yang menjelaskan segenap lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[SANDAKAN]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci berapakah dari jumlah RM280 billion pakej rangsangan COVID-19 yang diumumkan adalah yang dibiayai dengan meminjam dan bagaimana kesannya terhadap tahap hutang negara sebagai peratusan daripada GDP negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula awal Februari 2020, penularan wabak COVID-19 yang bermula di negara China telah merebak ke seluruh dunia dan Malaysia juga turut terjejas akibat penularan wabak ini. Hampir kesemua negara yang terlibat termasuk Malaysia melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) bagi membendung penularan virus daripada merebak dengan tidak terkawal. Langkah drastik yang diambil telah menyebabkan kegiatan utama ekonomi terhenti di mana perniagaan tidak dapat beroperasi seperti biasa dan setiap rakyat tidak dibenarkan untuk keluar melainkan atas urusan penting. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan ekonomi dunia lumpuh dan Malaysia juga turut terjejas daripada situasi tersebut.

2. Bagi menangani krisis ekonomi ini, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi dan pemulihan bernilai RM295 bilion untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Namun begitu, pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion yang akan dibiayai menerusi pinjaman domestik. Setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran KDNK yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat sekitar 5.8% hingga 6.0% daripada KDNK.
3. Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang Yang Diterima) [P.U (A) 241/2009] yang menetapkan had statutori hutang sebanyak 55% KDNK hanya meliputi terbitan instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) sahaja. Berdasarkan had statutori tersebut, nisbah hutang terkumpul kepada KDNK pada akhir Jun 2020 adalah 53.2%, masih di bawah had 55% KDNK yang ditetapkan.
4. Sebahagian besar langkah yang diperkenalkan di bawah pakej rangsangan tersebut adalah bersifat *one-off* atau sementara, yang tidak akan memberi kesan berpanjangan kepada tahap hutang kerajaan dalam jangka sederhana. Selain itu, Malaysia mempunyai kecairan yang mencukupi dalam pasaran domestik untuk menyokong pembiayaan tambahan oleh Kerajaan. Kerajaan juga kekal fokus dalam memelihara disiplin fiskal untuk mengekalkan kekuahan sistemik dan integriti ekonomi serta memastikan Malaysia mempunyai kemampuan dan kapasiti untuk kembali pulih dengan secepat yang mungkin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah bagaimana Kerajaan menangani masalah pengurangan pendapatan negara daripada hasil petroleum akibat kejatuhan harga minyak mentah dunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019, Kerajaan telah mengumumkan unjuran jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2020 sebanyak RM244.5 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil daripada petroleum adalah sebanyak RM50.5 bilion atau 20.6% daripada keseluruhan hasil Kerajaan Persekutuan dengan andaian purata harga minyak mentah dunia Brent USD62 setong. Hasil Kerajaan Persekutuan daripada sumber petroleum merangkumi hasil daripada cukai pendapatan petroleum, duti eksport, royalti (bayaran tunai), dividen PETRONAS, Cukai Jualan dan hasil daripada MTJA (Malaysia Thailand Joint Development Area).
2. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah dunia Brent telah menunjukkan tren penurunan (seawal bulan Februari 2020) dan purata harga bagi tempoh Januari hingga Jun adalah USD41 setong. Bagi setiap penurunan harga minyak mentah sebanyak USD1 setong, hasil Kerajaan Persekutuan akan menyusut lebih kurang RM300 juta kecuali dividen PETRONAS.
3. Sehubungan itu, defisit Kerajaan Persekutuan tahun 2020 dijangka lebih tinggi berbanding anggaran asal dan Kerajaan akan menampung kekurangan pendapatan melalui sumber hasil *one-off* daripada dividen dan bayaran khas oleh syarikat Kerajaan, meneroka hasil cukai baharu, penjimatan subsidi minyak dan penstrukturran serta pengagihan semula perbelanjaan Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian sebagai persediaan kepada pembukaan sektor pengangkutan udara dan industri pelancongan mengikut SOP dalam fasa pemulihan COVID-19 di Malaysia agar ianya tidak dilihat merencatkan pemulihan industri pelancongan.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat penerbangan negara dan asing dibenarkan terus beroperasi sejak bermulanya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) tertentu memandangkan ianya adalah salah satu perkhidmatan perlu (*essential*).

Penularan wabak COVID-19 telah menjaskan industri penerbangan negara. Statistik menunjukkan trend penurunan permintaan penumpang domestik dan antarabangsa mulai 1 Mac 2020. Jumlah permintaan penumpang berkurangan daripada 280,321 sehari pada bulan Januari 2020 kepada 7,500 sehari bagi bulan Mei 2020. Berdasarkan unjuran senario trafik penumpang Malaysia 2020, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) menjangkakan jumlah tempat duduk perkhidmatan penerbangan penumpang akan berkurangan kepada 54.3 juta – 56.0 juta bersamaan -48.7% hingga -50.3% pada tahun 2020 (2019 – 109.2 juta penumpang).

Di samping itu, berdasarkan kepada cadangan International Civil Aviation Organisation (ICAO), World Health Organisation (WHO) dan International Air Transport Association (IATA), lebih banyak kelonggaran telah diberikan oleh pihak Kerajaan termasuk kebenaran untuk melakukan perjalanan rentas negeri dan pengecualian penjarakan sosial dalam pesawat bagi semua perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual.

Operasi penerbangan dilaksanakan tertakluk kepada SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan seperti berikut:

- (i) Saringan suhu badan diwajibkan kepada pekerja, pengguna, krew penerbangan dan penumpang;

- (ii) Pemakaian pelitup muka (*face mask*) diwajibkan di kawasan umum lapangan terbang serta kepada semua krew dan penumpang yang memasuki pesawat penerbangan;
- (iii) hidangan makanan dalam pesawat (*in-flight meal*) adalah tidak digalakkan dan interaksi dengan penumpang diminimakan;
- (iv) proses nyahkuman ruang pesawat selepas setiap operasi penerbangan; dan
- (v) amalan penjarakan sosial di kawasan umum lapangan terbang melalui tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi kecuali di pintu pelepasan (*boarding gate*).

Selain itu, MOT, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan syarikat penerbangan terus bekerjasama bagi meningkatkan kesedaran dan keyakinan orang ramai untuk menggunakan perkhidmatan penerbangan bagi menggerakkan dan memulihkan sektor pelancongan domestik.

Bagi maksud menggerakkan sektor pelancongan antarabangsa, Kementerian Pengangkutan mengalu-alukan usaha Kerajaan dalam melaksanakan konsep *travel bubble* ke beberapa negara seperti Singapura, Brunei, Thailand, Vietnam, New Zealand, Australia, Korea Selatan dan Jepun. Melalui konsep tersebut, penerbangan dan penumpang dari mana-mana negara yang berada dalam kategori hijau akan dibenarkan memasuki Malaysia tertakluk kepada SOP tertentu seperti ujian saringan kesihatan yang ketat sebelum berlepas dan tiba di Malaysia perlu dipatuhi.

Dalam hubungan ini, cadangan *travel bubble* tersebut adalah tertakluk kepada rundingan yang sedang diadakan di antara Kementerian Kesihatan (MOH) dan Kementerian Luar Negeri dengan negara-negara terbabit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
[SETIAWANGSA]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 52**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memelihara khazanah hutan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

KeTSA sentiasa komited dalam usaha memelihara khazanah hutan negara dan memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara dilitupi pokok-pokok dan kawasan hutan dicapai. Dalam hubungan ini, antara rancangan yang sedang dan akan diambil oleh KeTSA adalah seperti berikut:

- i) mempergiatkan usaha ke arah mewartakan kawasan-kawasan berhutan sebagai Hutan Simpanan Kekal;
- ii) meneruskan aktiviti rawatan hutan dan silvikultur dalam Hutan Simpanan Kekal;
- iii) mempertingkatkan usaha pemeliharaan dan pemulihan kawasan hutan melalui Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Terosot Di Semenanjung Malaysia;

- iv) menyediakan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri setiap 10 tahun bagi tujuan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan Hutan Simpanan Kekal secara berkekalan;
- v) melaksanakan dan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan hutan secara bersepadu dengan agensi kerajaan yang berkaitan bagi menangani aktiviti pencerobohan dan kesalahan hutan;
- vi) menyedia, melaksana dan memantau Catuan Tebangan Tahunan (CTT) setiap tempoh Rancangan Malaysia bagi kawasan hutan pengeluaran dalam Hutan Simpanan Kekal;
- vii) mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) perhutanan termasuk kaedah pengusahasilan yang berimpak rendah;
- viii) menjana pendapatan melalui potensi baharu selain daripada kayu balak termasuk inisiatif REDD Plus dan bayaran bagi perkhidmatan ekosistem (*Payment for Ecosystem Services – PES*) untuk mengurangkan kebergantungan kepada aktiviti pembalakan; dan
- ix) memperkasakan amalan pengurusan hutan berkekalan dengan membangun dan mengaplikasikan teknologi terkini yang bersesuaian dengan perhutanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH :** **15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [ PORT DICKSON ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dasar pengambilan Ahli-ahli Parlimen dilantik menjadi pengurus berbagai syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan kewajaran pelantikan mereka menggantikan profesional yang ahli dalam bidangnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

Secara amnya, pencalonan dan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) termasuk Pengerusi bagi syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dibuat berdasarkan kesesuaian dari segi kelayakan, pengalaman dan kepakaran seseorang individu. Bagi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), garis panduan mengenai pelantikan Pengerusi dan ALP Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di dalam Buku Hijau berkaitan Meningkatkan Keberkesanan Lembaga Pengarah (2006) telah menggariskan beberapa kriteria untuk melantik individu yang benar-benar

berwibawa dan berkebolehan untuk menerajui Lembaga Pengarah syarikat.

Selain itu, pelantikan ALP juga dilihat dari sudut kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian (*fit and proper requirements*) bagi memastikan komposisi Lembaga Pengarah yang mantap di samping menggalakkan pelaksanaan polisi keterangkuman (*inclusiveness*) dan kepelbagaian (*diversity*) di bawah *Malaysian Code of Corporate Governance* (MCCG) 2017.

Bagi syarikat MKD yang tersenarai di Bursa Malaysia, pencalonan seseorang individu sebagai Pengerusi atau ALP syarikat akan melalui pertimbangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (*Nomination and Remuneration Committee - NRC*) serta Lembaga Pengarah syarikat masing-masing. Setelah ianya diluluskan oleh NRC dan Lembaga Pengarah barulah calon tersebut dikemukakan untuk tapisan Suruhanjaya Sekuriti dan seterusnya dikemukakan kepada Bursa Malaysia untuk pengumuman.

Manakala bagi syarikat MKD yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia, pencalonan seseorang individu sebagai Pengerusi atau ALP syarikat akan melalui pertimbangan NRC serta Lembaga Pengarah syarikat masing-masing.

Di samping itu juga, selaras dengan Akta Syarikat 2016, secara umumnya setiap calon ALP bagi semua syarikat MKD perlu melalui beberapa tapisan iaitu tapisan keutuhan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semakan kebankrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) dan semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) sebagai prosedur (*requirement*) sebelum dilantik. Tapisan tersebut merupakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan semenjak Akta Syarikat 1965 dipinda, digubal dan diluluskan oleh Parlimen sebagai Akta Syarikat 2016, sebagai sebahagian daripada usaha memperkemaskan tadbir urus pelantikan Pengerusi dan ALP syarikat.

## **NO SOALAN : 53**

Kewajaran pelantikan Ahli Politik menggantikan Ahli Korporat dalam Lembaga Pengarah syarikat bukanlah kes terpencil kerana ia telahpun menjadi amalan sejak Kerajaan terdahulu. Pelantikan Ahli Politik adalah sebagai Pengurus Bukan Eksekutif yang mana terdapat pembatasan kuasa di antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan selaras dengan MCCG 2017 dan sebagai mekanisma semak dan imbang (*check and balance*).

Kesimpulannya, pelantikan ALP syarikat MKD bukan sekadar mengisi jawatan Lembaga Pengarah syarikat sebaliknya disuaipadankan berdasarkan keperluan setiap syarikat MKD dengan mengambil kira latar belakang dan kebolehan seseorang individu daripada pelbagai sudut bagi menganggotai Lembaga Pengarah syarikat MKD. Justeru itu, Ahli Parlimen yang berkelayakan atau memenuhi kriteria *fit and proper* sahaja yang dilantik untuk menerajui Lembaga Pengarah syarikat-syarikat MKD.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L  
ARULANANDRAM [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 54**

Minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan situasi program Selamatkan Harimau Malaya di mana Harimau merupakan simbol kegagahan serta kebanggaan negara kita. Hidupan liar negara kita, terutamanya Harimau Malaya dan tenggiling diancam kepupusan. Apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani gejala perdagangan haram hidupan liar di Malaysia, terutamanya perdagangan atas talian. Bilakah undang-undang yang sedia-ada akan diperkuatkan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

‘Kempen Selamatkan Harimau Malaya’ yang dilancarkan pada 17 Mac 2019 akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan sehingga penghujung tahun 2020. Antara program yang dilaksanakan ialah survei Harimau Malaya Kebangsaan (*National Tiger Survey - NTS*); program penguatkuasaan bersepadu seperti Ops Bersepadu Khazanah (OBK), ‘Ops Jerat’ dan *Biodiversity Protection and Patrolling Programme (BP3)* yang melibatkan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (VAT) dan Orang Asli; program *Corporate Social Responsibility (CSR)* bersama badan korporat seperti AirAsia dan AEON; serta pelbagai program kesedaran awam.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sangat komited dalam memastikan hidupan liar tidak diperdagangkan secara haram kerana ia menjaskan populasi hidupan liar. Antara langkah-langkah yang telah diambil dalam menangani perdagangan haram hidupan liar di Malaysia adalah:

- (i) meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] bagi mengenakan hukuman denda yang lebih berat sehingga RM1 juta dan penjara tidak melebihi 15 tahun bagi kesalahan import-eksport hidupan liar terancam termasuk Harimau Malaya tanpa dokumen

- yang sah. Pindaan juga melibatkan kawalan terhadap aktiviti perdagangan hidupan liar atas talian (*online*);
- (ii) memperkuuhkan Unit *Cybercrime* di Jabatan PERHILITAN bagi menjalankan pemantauan dan siasatan terhadap aktiviti-aktiviti perdagangan hidupan liar atas talian;
  - (iii) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), penyedia perkhidmatan telekomunikasi seperti Celcom, Maxis, Digi serta syarikat-syarikat penyedia jualan atas talian seperti e-Bay, Amazon, Shopee, Facebook, Mudah, Carousell dan AliBaba untuk mendapatkan maklumat penjenayah atas talian;
  - (iv) memperkuuhkan jaringan kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM); dan
  - (v) bekerjasama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menjalankan siasatan dan pendakwaan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN :** **LISAN**  
**DARIPADA :** **Y.B. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU]**  
**TARIKH :** **15 JULAI 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ ARAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Pasukan Khas bagi mengkaji dan meneliti semula aset-aset Kerajaan yang telah dijual untuk dibeli balik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mendapati tiada keperluan untuk menubuhkan Pasukan Khas bagi mengkaji dan meneliti semula aset-aset Kerajaan yang telah dijual untuk dibeli balik.

Berhubung penjualan tanah, Kerajaan dari tahun 2010 sehingga kini telah melaksanakan penjualan sebanyak 16 lot tanah dengan anggaran hasil sebanyak RM4.42 bilion yang mana hasil berkenaan telah dimasukkan dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Pada dasarnya penjualan tanah milik Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan prinsip-prinsip berikut:-

- i. Tanah-tanah tersebut dikenalpasti tidak diperlukan untuk digunakan oleh Kerajaan di masa akan datang;
- ii. Kementerian dan Jabatan yang didaftarkan sebagai pengguna tanah tersebut membuat pengesahan bahawa tanah-tanah tersebut tidak lagi diperlukan; dan
- iii. Penjualan tanah-tanah berkenaan kepada individu atau sektor swasta adalah satu strategi bagi merancakkan perkembangan ekonomi. Apabila tanah berkenaan dibangunkan ia akan memberikan kesan limpahan positif kepada negara melalui pewujudan peluang pekerjaan disamping meningkatkan hasil kepada Kerajaan melalui proses pembayaran cukai.
- iv. Penjualan tanah Kerajaan Persekutuan di laksanakan melalui tender terbuka.

Sekian, terima kasih.